



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Sesion

Jilid IV

Bil. 7

Hari Selasa

27hb Mac, 1990

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-ERTANYAAN

(Ruangan 1)

RAHG UNDANG-UNDAHG:

Bang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989)

(Ruangan 36)

DN.27.3.90

MAIAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 27hb Mac, 1990

Mesyuarat dimolakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

(Tuan Yang di-Pertua manpengerusikah Mesyuarat)

JAWAPAN-JAHAPAH MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

BAKAT SUKAN MURID-MURID SEKOLAH

1. **Puan Norani binti Haji Beluah** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam usaha untuk mengenalpasti bakat-bakat sukan yang ada di kalangan murid-murid sekolah dan para belia/beliawanis yang ada di peringkat daerah-daerah yang berminat dan berpotensi di dalam lapangan sukan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Haji Awang bin Jabar]: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengenalpasti bakat-bakat sukan yang ada di kalangan murid-murid sekolah, Kementerian Belia dan Sukan telah mewujudkan Program Pembangunan Bakat peringkat sekolah dan negeri. Program ini diadakan dengan kerjasama di antara Majlis Sukan Negara dan Kementerian Pendidikan melalui Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM). Program ini telah dilancarkan pada tahun lepas (1989).

Objektif program ini ialah untuk mengenalpasti bakat sukan di kalangan pelajar-pelajar bagi dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi, memastikan kesinambungan latihan dan pendedahan atlit, menyediakan kumpulan atlit yang mempunyai kemahiran di bidang sukan serta mempertingkatkan kelengkapan dan kemudahan sukan di sekolah-sekolah.

Atlit-atlit ini akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang dipilih dengan disediakan segala kemudahan peralatan dan kepakaran bagi menjalani latihan yang sistematik dan berasaskan kepada sains

sukan supaya mencapai tahap yang lebih tinggi sepanjang masa. Program ini akan mengutamakan **atlit-atlit** di peringkat umur 12-15 tahun yang akan dipilih dan dipindahkan ke sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan-kemudahan seperti kemudahan sukan, asrama dan jurulatih.

Buat permulaan, sebanyak 4 jenis sukan iaitu bolasepak, olahraga, badminton dan tenis telah dikenalpasti untuk Program Pembangunan Bakat. Pada akhir tahun lepas (1989), sebanyak 114 bilangan sekolah digunakan sebagai pusat latihan yang melibatkan seramai lebih kurang 2,700 atlit dan 310 jurulatih.

Bagi tahun ini (1990), sebanyak 4 jenis sukan lagi dikenalpasti untuk Program Pembangunan Bakat iaitu sepaktakraw, hoki (lelaki), memanah dan menembak.

Bagi para belia/beliawanis yang ada di peringkat daerah yang berminat dan berpotensi di dalam lapangan sukan, mereka hendaklah terlebih dahulu menjadi ahli kelab di peringkat daerah atau menjadi ahli Persatuan Sukan Negeri.

Setelah menjadi ahli yang sah, belia/beliawanis bolehlah menyertai pertandingan-pertandingan sukan di peringkat daerah yang dianjurkan atau dikelolakan oleh kelab-kelab sukan ataupun persatuan-persatuan sukan negeri.

Melalui kejohanan-kejohanan sukan di peringkat daerah, belia/beliawanis yang berpotensi dalam lapangan sukan akan dikenalpasti dan diberi bimbingan oleh jurulatih-jurulatih yang dilantik untuk diketengahkan di peringkat negeri dan kebangsaan.

FELDA - JUALAN KELAPA SAWIT**2. Puan Hajjah Habidah binti Jusoh minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:-**

- (a) benarkah apa yang dikatakan bahawa pendapatan dari hasil jualan kelapa sawit di FELDA amat berkurangan tidak seperti ladang-ladang swasta;
- (b) betulkah apa yang disebut di atas kerana kebanyakan pegawai-pegawai FELDA tidak mahu peserta-peserta FELDA mendapat lebih pendapatan dari pegawainya; dan
- (c) apakah benar yang menyebabkan demikian kerana kelemahan pihak pengilang-pengilang FELDA sendiri di mana terdapat banyak buah-buah yang tak sempat diproses dalam waktunya dan kedudukan pasaran minyak pula menurun disebabkan organisasi yang bercelaru.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hasil ladang adalah bergantung kepada tiga faktor utama iaitu kos pengeluaran, harga dan jumlah pengeluaran. Di dalam pengiraan kos pengeluaran, asas kos yang diambil kira adalah kos pembangunan utama dan kos operasi. Pada masa ini kos pengeluaran FELDA adalah agak tinggi kerana kos pembangunan yang lebih tinggi, walaupun kos operasi adalah setanding dengan pihak-pihak lain. Kos pembangunan utama yang tinggi adalah dipengaruhi atau disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:-
 - (i) kedudukan ladang FELDA yang berada di kawasan peridalaman dan terpencil;
 - (ii) keadaan bentuk mukabumi yang berbukit-bukit serta curam berbanding dengan ladang swasta yang terdiri dari kawasan terpilih atau dari jenis tanah yang dianggap dalam kategori terbaik.

Harga pengeluaran ladang FELDA adalah setanding dengan harga pasaran. Bagaimanapan, jumlah pengeluaran FELDA agak rendah sedikit kerana faktor mukabumi yang curam dan keadaan tanah yang kurang subur berbanding dengan ladang swasta.

- (b) Memang tidak benar kalau dikatakan bahawa pegawai FELDA sengaja tidak mahu melihat pendapatan peneroka lebih daripada pendapatan mereka kerana pegawai FELDA, terutama yang mengelolakan hal ladang, sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil ladang yang seterusnya akan meningkatkan lagi pendapatan mereka.
- (c) Memang tidak benar kalau dikatakan juga bahawa terdapat banyak buah-buah yang tak sempat diproses dalam waktunya disebabkan oleh kelemahan pekilang-pekilang FELDA. Dan tidak benar juga kedudukan pasaran minyak menurun disebabkan organisasi yang bercelaru.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sedarkah Kementerian bahawa kerugian Perbadanan TABIS FELDA telah ditampung oleh peneroka dan ini satu sebab mengapa harga-harga kelapa sawit mereka begitu menurun. Yang anihnya, keuntungan Perbadanan ini tidak diberi kepada peneroka tetapi kerugiannya ditanggung bersama oleh peneroka dan saya harap Yang Berhormat dapat menyiasat perkara ini supaya tidak berulang lagi.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Jawabnya saya sedar, tetapi soal benar atau tidak itu belum dipastikan lagi. Walau bagaimanapun, kita bukan sahaja sentiasa menyiasat, tetapi kita sentiasa mengawasi perkara-perkara seperti ini .

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rancangan pihak FELDA sendiri setelah menyedari kerugian yang raereka alami untuk menswastakan kilang-kilangnya ataupun memberi upah kepada kilang swasta bagi menapis minyak seperti apa yang dilakukan oleh pihak LPN mengubah kisar padi mereka untuk mendapatkan beras .

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya, soalnya dalam perkara ini hendak menswastakan ke operasi berhad ataupun bagaimanakah, Yang Berhormat? Bolehkah mengulangkan soalan?

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Operasi pengilangan - lebih kurang maksudnya pengeluaran minyak.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini kita ada skim baru iaitu penswastan semua kawasan-kawasan FELDA yang baru. Jadi, kita tidak pakai lagi cara lama iaitu mengambil peneroka seperti yang dibuat sejak 20 atau 30 tahun lalu tetapi akan diambil. Kita akan namakan pekerja. Jadi, penswastan pada keseluruhannya dan bukan pada sesuatu aktiviti di dalam proses menghasilkan kelapa sawit dan juga minyak sawit.

LESEN PUKAT JERUT IKAN

3. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa banyak jumlah Lesen Pukat Cerut Ikan telah dikeluarkan kepada benar-benar nelayan;

- (b) berapa pula jumlah Lesen Laut Dalam dikeluarkan kepada benar-benar nelayan yang berusaha sendiri. Dan berapa banyak yang telah ditarik balik sehingga 31hb Disember, 1989; dan
- (c) berapa jumlah Lesen Pukat Cerah Ikan dan Lesen Laut Dalam kepada bukan nelayan Melayu, Cina, India dan lain-lain bangsa (taukeh-taukeh ikan) di seluruh negara sehingga 31b Disember, 1989.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Rassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan Lesen Pukat Jerut Ikan yang dikeluarkan atau diluluskan kepada nelayan ialah 95 unit;.

Jumlah Kelulusan	Kelulusan Dibatalkan	Kelulusan Masih Sah
95 unit	31 unit	64 unit

- (b) Jumlah Lesen Bot Laut Dalam (pukat jerut ikan, pukat tunda dan lain-lain perkakas) yang dikeluarkan kepada nelayan ialah 411 unit dan yang telah ditarik balik sehingga 31hb Disember, 1989 ialah 139 unit.

Jumlah Kelulusan	Kelulusan Ditarik Balik	Kelulusan Masih Sah
411 unit	139 unit	272 unit

- (c) Jumlah Lesen Pukat Jerut Ikan yang dikeluarkan kepada nelayan bukan Bumiputera sehingga 31hb Disember, 1989 ialah 4 unit.

Jumlah Kelulusan	Kelulusan Ditarikbalik	Kelulusan Masih Sah
4 unit	2 unit	2.unit

Jumlah Lesen Bot Laut Dalam (pukat tunda dan pukat jerut) yang dikeluarkan kepada nelayan bukan Bumi-putera sehingga 31hb Disember, 1989 ialah 103 unit.

Jumlah Kelulusan	Kelulusan Ditarikbalik	Kelulusan Masih Sah
103 unit	16 unit	87 unit

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada nelayan yang dikeluarkan lesen pada pukat jerut ataupun jaring, adakah dikeluarkan permit kepada nelayan ini untuk membeli pukat tunda atau jaring ini di negara asing, misalnya Thailand ataupun Singapura? Apa yang saya difahamkan nelayan ini membeli jaring ataupun pukat ini di Singapura, dirampas oleh Kastam dan tidak boleh bayar cukai, dan dimaklumkan juga permit ini hanya diberi kepada NEKMAT sahaja.

Tuan Hohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita tidak menggalakkan pembelian pukat daripada luar negeri. Kita, kalau boleh, mahu nelayan-nelayan kita membeli pukat-pukat yang kita buat sendiri.

Dan keduanya, saya suka menyatakan bahawa dalam soalan pemberian ini memang kita memberi kepada syarikat yang benar-benar menjalankan kegiatan untuk kepentingan nelayan kita sendiri, termasuklah syarikat NEKMAT.

Tuan Mustafar bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta sedikit ini penerangan ataupun penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan. Selain daripada pemberian-pemberian lesen kepada nelayan-nelayan tulen, berapakah bilangan lesen yang diberikan kepada mereka yang bukan nelayan, maksud aaya taukeh-taukeh ikan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan hari ini bahawa kita mengeluarkan lesen kepada nelayan dan segelintir orang yang asalnya nelayan tetapi kini menjadi pemborong ikan ataupun peniaga ikan juga mempunyai lesen. Ertinya, mereka pada masa dahulu adalah penangkap ikan, nelayan kita sendiri dan tidak wajar bagi kita pada hari ini menarik balik lesen yang telah diberikan kepada mereka, sedangkan mereka adalah nelayan. Jadi, jumlah lesen yang ditanyakan oleh Yang Berhormat, saya minta maaf, saya akan memberitahu Yang Berhormat secara bertulis kalau Yang Berhormat bersetuju.

Tuan Mustafa bin Awang: Sedikit lagi. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa salah seorang daripada bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang tidak pernah menjadi nelayan dan malah jarang-jarang kenal laut, dia ini mempunyai lesen pukot jerut, sedangkan sebahagian daripada nelayan yang mampu, yang pernah bekerja sebagai nelayan dan anak nelayan daripada uraur 12 tahun sehingga sampai ke tua lesennya pernah ditolak walaupun dia mampu. Dan ada pengakuan yang dibuat oleh institusi kewangan untuk menolong mereka bagi mengadakan perusahaan penangkapan ikan sama ada pukot jerut, pukot tunda ataupun laut dalam.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya kurang sedar dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sekejap tadi. Tetapi saya nyatakan di sini bahawa kita memberi lesen kepada mereka yang benar-benar mempunyai syarat-syarat. Kemampuan salah satu daripada syaratnya.

Keduanya, pengalaman jaga menjadi satu faktor. Jadi, perkara-perkara ini kita akan timbangkan. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, saya akan tengok bagaimana keadaan yang sebenarnya.

SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL - KEMUDAHAN

4. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah agaknya orang ramai boleh menggunakan kemudahan vokasional di sekolah-sekolah vokasional seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai sebarang halangan bagi kemudahan-kemudahan sekolah menengah vokasional digunakan untuk melatih belia-belia tempatan. Malahan sebuah Jawatankuasa Teknikal telah ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan, Negara dan Luar Bandar (KPNLB) untuk tujuan ini. Sehingga ini, sebanyak dua mesyuarat telahpun diadakan.

Kementerian Pendidikan telahpun menyenaraikan kursus-kursus yang boleh dilaksanakan oleh setiap sekolah menengah vokasional dan senarai ini sedang dikaji dengan mendalam oleh Jawatankuasa Teknikal tersebut. Kementerian Pendidikan juga telah difahamkan bahawa Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar sedang menyediakan satu kertas kerja mengenai pelaksanaan projek ini.

PEKERJA ASING - KEBENARAN

5. **Tuan Tiong Hew King** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) bilangan buruh asing yang sah yang bekerja di negara kita;
 - (i) mengikut pecahan jenis kerja, dan
 - (ii) di tiap-tiap negeri.
 - (b) bilangan juruteknik, mekanik, expatriate personnel dan lain yang menduduki post penting bekerja sebagai pakar dalam bidang tertentu di syarikat asing atau syarikat usahasama; dan
 - (c) apa sebabnya berkehendakkan kita mengambil tenaga kerja dari luar sedangkan kadar pengangguran dalam negeri sangat tinggi. Apa langkah harus diambil untuk memperbaiki keadaan itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah buruh asing yang dibenarkan bekerja di negara ini setakat ini ialah seramai 9,286 orang.

Pecahan jenis kerja mereka dan taburan mereka adalah seperti berikut:

(i) Jenis Kerja

Buruh Ladang	-	5,258 orang
Pembantu Rumah	-	4,028 "
Jumlah		9,286 orang

(ii) Taburan Penempatan Mereka

Kedah dan Perlis	-	4,715 orang
Selangor dan Wilayah Persekutuan	-	4,028 "
Lain-lain	-	543

Jumlah 9,286 orang

Jumlah jawatan dagang yang diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Perwarganegaraan sehingga Disember 1989 adalah 3,542 jawatan.

Jawatan-jawatan tersebut adalah:

JenisJawatan	Jumlah diluluskan
Pengarah Syarikat	399
Pengurus Syarikat	724
Eksekutif Syarikat	88
Doktor	16
Arkitek	5
Akauntan	29
Jurutera	490
Jurukur	22
Pensyarah	230
Juruperunding	260
Juruteknik	532
Jurulatih Professional	395
Skilled/Semi skilled	237
Tukang masak atau Chef	83
Representative	32
Jumlah	3,542

Pihak Kerajaan dan pihak swasta terpaksa mengambil pekerja-pekerja asing kerana:

- (i) kekurangan kemahiran dan pengetahuan daripada anak-anak tempatan, terutama dalam bidang pengurusan syarikat;
- (ii) sikap anak-anak tempatan yang cerlalu memilih pekerjaan menyebabkan Kerajaan terpaksa mengambil pekerja-pekerja asing untuk bekerja di negara ini;

(iii) bagi syarikat-syarikat asing yang telah melaburkan di negara ini, mereka meminta agar jawatan-jawatan penting di syarikatnya adalah diambil daripada kakitangan mereka.

Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan telah berusaha mewarganegarkan jawatan-jawatan pegawai dagang ini secara berperingkat-peringkat dan juga menggalakkan warganegara-warganegara negara ini bekerja di sektor-sektor yang mereka tidak minati seperti sektor perladangan dan sebagainya.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan buruh asing yang sah yang bekerja di negara kita, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kelakuan mereka. Adakah mereka selalu melakukan jenayah di negara kita?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik buruh-buruh asing yang sah duduk/tinggal di negara ini tidak melibatkan diri di dalam jenayah. Bagaimanapun, bagi pendatang-pendatang haram kita dapati kurang daripada 2% daripada jenayah di negara ini dilakukan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong.

Dr. Ng Khok Kiung: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

AFRIKA SELATAN - HUBUNGAN DIPLOMATIK

6. **Dr. Ng Khok Kiung [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) memandangkan Kerajaan Afrika Selatan telah membebaskan pemimpin kulit hitam, Nelson Mandela baru-baru ini, adakah Kerajaan akan itienjalin semula hubungan diplomatik dengan Kerajaan tersebut. Jika tidak, kenapa tidak; dan

- (b) apakah pula hasil lawatan Perdana Menteri ke Lusaka baru-baru ini serta perbincangan beliau dengan Nelson Mandela.

Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan:

- (a) Malaysia tidak akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Afrika Selatan sehingga sistem Apartheid dihapuskan sama sekali; Walaupun rejim Pretoria telah membebaskan pemimpin kulit hitam iaitu Encik Nelson Mandela serta menarik balik pengharaman salaraa 30 tahun terhadap Kongress Kebangsaan. Afrika ataupun, dengan izin, African National Congress dan organisasi-organisasi anti-Apartheid yang lain sistem Apartheid masih utuh di Afrika Selatan.

Dalam hubungan ini, Malaysia serta negara-negara lain akan meneruskan sekatan-sekatan termasuk sekatan perdagangan dan ekonomi terhadap Afrika Selatan selagi rejim Pretoria mengekalkan sistem Apartheid. Perlaksanaan sekatan ini tidak akan dilonggarkan sehingga proses pemerintahan majoriti wujud di Afrika Selatan, Rejim Pretoria juga didesak supaya menarik balik keadaan darurat dan menghapuskan undang-undang Apartheid yang masih kekal seperti:

- (i) Akta Pendaftaran Penduduk 1954;
- (ii) Akta Tanah 1913;
- (iii) Akta Pendidikan (The Group Areas) Act, 1960;
dan
- (iv) The Colour Bar Act.

- (b) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, undangan Presiden Zambia selaku Pengerusi Negara-negara Barisan Hadapan Africa kepada Yang Amat Berhormat, Perdana Manteri dan beberapa pemimpin-pemimpin Komanwel untuk melawat Lusaka adalah bagi menyambut serta mengadakan perbincangan dengan pemimpin nasionalis rakyat kulit hitam Afrika Selatan, Encik Nelson Mandela. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diberi penghormatan untuk rnempengerusikan satu, mesyuarat di antara pemimpin-pemimpin Komanwel dengan Encik Nelson Mandela, Setiausaha Agung Komanwel juga ikut serta. Suka-cita saya maklumkan bahawa di antara lain mesyuarat telah bersetuju agar negara-negara Komanwel terus mendesak masyarakat antarabangsa mengenakan sekatan ke atas Afrika Selatan sehingga Apartheid dihapuskan sama sekali.

Di dalam pertemuan Yang Amat. Berhormat Perdana Menteri dengan Encik Nelson Mandela, -beliau telah menyatakan sikap tegas Malaysia terhadap Apartheid dan Afrika Selatan. Encik Nelson Mandela mengucapkan penghargaannya terhadap sokongan Malaysia terhadap perjuangan rakyat Afrika Selatan bagi menegakkan keadilan di negara itu. Dalam pada itu melalui lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita mendapat maklumat langsung mengenai perkembangan terakhir di Afrika Selatan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, apakah pendirian ataupun reaksi Kerajaan Malaysia terhadap rayuan Encik Nelson Mandela mengenai bantuan kewangan kepada African National Congress?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita memang bersedia untuk memberikan pertimbangan bagi membantu parti yang berkenaan sekiranya ianya adalah berdasarkan kepada usaha untuk meruntuhkan ~~dan~~ Apartheid di Afrika Selatan, sama ada kita buat secara material ataupun wang ringgit.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selepas ini apakah tindakan negara kita terhadap Afrika Selatan?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, selepas bila?

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, selepas Nelson sudah keluar ini, kita duduk diam sahajakah ataupun masih hendak mempertahankan apa yang kita sentiasa buat di persidangan-persidangan luar negeri seperti menahankan daripada segi ekonomi dan sebagainya?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita akan teruskan dengan itu, walaupun Encik Nelson Mandela telah dibebaskan dan parti yang berkenaan telah dibenarkan untuk bergerak, tetapi dari segi kita ianya belum cukup bagi meruntuhkan dasar Apartheid di Afrika Selatan. Sepertimana yang saya katakan sebentar tadi, kita akan terus, sama ada secara negara persendirian ataupun melalui Komanwel dan masyarakat antarabangsa pada keseluruhannya, mendesak mengambil tindakan dan menyuarakan dengan setegas-tegasnya di mana-mana jua sehingga sistem Apartheid itu dihapuskan sama sekali.

TAYANGAN TRELER DI RTM

7. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Penerangan menyatakan;
- (a) mengapa RTM menayangkan treler-treler perayaan bertindih-tindih (redundance) dari pihak swasta dengan iklan, sekali gus, 'slot-in' dari RTM dan diikuti treler dari Filem Negara. Tidakkah itu satu pembaziran.
 - (b) Filem Negara sepatutnya merabuat filem-filem khas secara khusus, mengapa Filem Negara tidak menerbitkan filem-filem dokumentari berat untuk Pelaburan Antarabangsa, Pelancongan, Pembangunan atau/selingan yang lebih berkesan;
 - (c) sedari atau tidak bahawa anak-anak kita telah dibudayakan dengan khayalan dan rekaan filem kartun dari barat dan Jepun. Berapakah belanja mengimport filem-filem kartun untuk membudayakan kanak-kanak Malaysia. Mengapa tidak diperbuat animasi kartun keluaran Malaysia yang penuh dengan budaya legenda, hikayat dan warisan; dan
 - (d) usaha mempertingkatkan bidang media komunikasi untuk penyebaran fikiran rakyat, sejauh manakah langkah integrasi nasional di kalangan pegawai-pegawai bawahan dalam Kementerian Penerangan terutama di bidang penerbitan dan teknikal.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji

Dasuki bin Haji Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) iklan-iklan swasta disiarkan dengan lebih kerap pada masa-masa ramai para penonton. Pada masa itulah treler dari RTM dan dari Filem Negara terus disiarkan walaupun bertindih-tindih dengan rancangan iklan itu. Treler dari RTM dan Filem.Negara mengandungi mesej-mesej yang tertentu yang perlu disampaikan kepada beberapa ramai penonton yang boleh agar ianya lebih berkesan. Dengan demikian ianya tidaklah dapat dianggap sebagai suatu pembaziran.

- (b) **Filem** Negara Malaysia menerbitkan berbagai jenis filem seperti filem-filem dokumentari, treler dan selingan. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Jabatan ini untuk menerbitkan filem-filem dokumentari. yang dianggap berat mengenai pelaburan, pelancongan dan pembangunan sejajar dengan kehendak dan matlamat Kerajaan.

Tajuk-tajuk filem yang pernah diterbitkan dalam bidang tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Invitation for Investment;
- (ii) Malaysia in Bloom;
- (iii) Beautiful Malaysia;
- (iv) Proton Saga;
- (v) Land of the Hornbills;
- (vi) Magnificent Kinabalu;
- (vii) Rasa Sayang (A Love of Life)
- (viii) Penang Bridge;
- (ix) The Cane;
- (x) Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah; dan
- (xi) Taman Negara.

Sebahagian daripada filem-filem yang tersebut di atas pernah juga memenangi hadiah di Pesat Filem Antarabangsa seperti "Taman Negara" dan "The Cane" di Pesta Filem Asia-Pacific.

Bagi jawapan (c), rancangan-ancangan kartun yang dipilih oleh RTM untuk disiarkan di TV1 dan TV2 adalah rancangan-ancangan yang digemari oleh anak-anak. Soal khayalan dan rekaan tidak timbul kerana kesemua filem-filem kartun baik dari luar negeri mahupun dalam negeri mempunyai ciri-ciri tersebut. Penerbit-penerbit filem di Malaysia termasuk RTM buat masa ini belum berupaya di segi teknik dan kewangan untuk menerbitkan rancangan-ancangan kartun untuk siaran TV belum diterbitkan di Malaysia pada masa ini. Kos mengimport rancangan kartun untuk siaran TV adalah lebih kurang \$1,200 untuk satu jam.

Untuk soalan (d), usaha mempertingkat integrasi nasional di kalangan pegawai-pegawai bawahan selaras dengan usaha untuk mempertingkatkan media komunikasi dapat dilihat di dalam aspek-aspek berikut:-

- (i) Melalui pertukaran pegawai di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak;
- (ii) Latihan-latihan yang dianjurkan;
- (iii) Liputan-liputan penting yang dibuat sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak di mana kakitangan-kakitangan tambahan diperlukan ketika melaksanakan liputan-liputan berkenaan;
- (iv) Mesyuarat-mesyuarat dan Seminar-seminar yang diadakan dari semasa kesemasa.

Integrasi Nasional ini juga tidak sahaja dilaksanakan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, tetapi ia juga dilaksanakan di dalam kawasan itu sendiri, umpamanya di Semenanjung sendiri, di dalam Negeri Sarawak dan Sabah, sama ada ianya dibuat secara langsung ataupun secara tidak langsung.

CUKAI PENDAPATAN - PEMBAYARAN

8. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa berapa ramaikah Pagawai Kerajaan dan swasta serta peniaga-peniaga dan lain-lain orang yang gagal bayar cukai pendapatan pada tahun 1988 dan 1989 dan berapakah jumlah cukai yang terlibat **itu**.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan tidak mempunyai perangkaan mengenai berapa ramai pembayar cukai yang gagal membayar cukai pendapatan. Dengan ini perangkaan mengenai bilangan Pegawai Kerajaan dan swasta serta peniaga-peniaga dan lain-lain orang yang gagal membayar cukai pendapatan pada tahun 1988 dan 1989 tidak dapat diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah taksiran cukai pendapatan yang masih belum dijelaskan sehingga akhir tahun 1989 tidak dapat diperolehi. Ini adalah kerana tahun 1989 baru sahaja lepas dan juga kerana penghitungan angka ini memerlukan masa yang panjang. Bagi manapun, untuk maklumat, tunggakan cukai pada 31hb Disember, 1988 bagi seluruh negara adalah sebanyak kira-kira \$1,959.5 juta iaitu merangkumi kes-kes guaman sivil dan tindakan selepas hukuman,

kebankrapan, syarikat yang di bawah pembubaran, kes-kes di bawah tindakan pungutan, taksiran yang dibuat dalam bulan Oktober, November dan Disember 1988 dan juga termasuk kes-kes yang disenaraikan untuk dihapuskan.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita selalu mendengar ada pasukan-pasukan atau Unit-unit Petugas Jabatan Hasil Dalam Negeri yang menjalankan tugas mereka di seluruh negara. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapakah Pasukan Petugas yang telah ditubuhkan dan apakah tugas spesifiknya dan apa kuasa mereka masing-masing.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Jabatan Hasil Dalam Negeri yang ada di bawah Kementerian. Kewangan telah menubuhkan tiga jenis Unit atau Pasukan Petugas untuk menjalankan tugas mereka, seperti mengenalpasti pembayar-pembayar cukai pendapatan yang berpotensi dan juga menyiasat akaun-akaun supaya mereka tidak melakukan penipuan dan penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, secara terperinci saya ingin menerangkan bahawa ketiga-tiga Unit atau Pasukan yang telah ditubuhkan setakat ini adalah;

- (i) **Unit Audit Luar** - Unit ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah bertugas untuk pergi ke tempat-tempat pembayar cukai yang sedia ada untuk audit akaun, untuk memastikan butir-butir di dalam akaun yang disemak adalah sama dengan apa yang telah dinyatakan di dalam "Penyata" yang telah dikemukakan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri supaya tidak ada penipuan atau penyelewengan berlaku.

Mengenai kuasa Unit ini, Tuan yang di-Pertua, kuasa Unit ini hanya boleh audit akaun dan tidak boleh mengambil apa-apa dokumen daripada peniaga-peniaga atau orang-orang yang kena siasat, dan juga mereka berkuasa untuk memasuki premis, cuma diperlukan Kad Kuasa Jabatan sahaja.

(ii) Pusat Penyiasatan ataupun Pasukan Penyiasatan

Mengenai Pasukan Penyiasatan ini, Tuan Yang di-Pertua, semua cawangan Jabatan Hasil Dalam Negeri di Semenanjung, Malaysia mempunyai Pusat Penyiasatan ataupun Pasukan Penyiasatan dan di Sabah hanya Cawangan Kota Kinabalu dan di Sarawak hanya Cawangan Kuching yang mempunyai Pasukan Penyiasatan dan mereka bertugas untuk menyiasat orang-orang yang disyaki melarikan atau mengelakkan cukai, dan maklumat untuk bertindak irii boleh datang daripada mana-mana punca dan mengenai kuasa Pasukan Penyiasat ini, Tuan Yang di-Pertua, mereka berkuasa untuk mengambil apa-apa dokumen yang diperlukan untuk disiasat lebih lanjut dan mereka juga berkuasa untuk memasuki premis, oleh kerana ada pihak-pihak yang bertanya apakah kuasa mereka, adakah mereka berkuasa memasuki premis dan Pasukan ini adalah berkuasa untuk memasuki premis dengan menunjukkan Kad Kuasa Jabatan sahaja.

(iii) **Unit Bergerak (Mobile Unit)** ataupun Unit Tindakan Khas dan unit ini ditugaskan melawat tempat-tempat ataupun orang-orang yang berpotensi membayar cukai pendapatan supaya menyemak sama ada mereka membayar cukai atau tidak dan kalau tidak bayar, Unit ini akan menasihatkan sama ada orang yang berkenaan kena cukai atau tidak dan kalau kena cukai, Tuan Yang di-Pertua, Unit Tindakan Khas ini akan mengeluarkan borang dan juga mengajar mereka cara mengisi borang dan sebagainya. Apabila mereka bertugas sebagai apa yang saya sebutkan tadi, mereka hanya menunjukkan Kad Kuasa sahaja supaya mereka diberi masuk ke premis tetapi mereka tidak boleh mengambil apa dokumen daripada orang-orang yang kena siasat itu.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada orang ramai yang kluatir dengan orang-orang berkenaan, mereka bolehlah berhubung dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri tempatan mengenai perkara Nombor Kad Pengenalan ataupun Nombor Kad Kuasa pegawai-pegawai yang berkenaan-.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyatakan bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri menubuhkan ketiga-tiga jenis pasukan atau unit ini bukan semata-mata untuk menyusahkan rakyat, oleh kerana kita nampak bahawa ada sebahagian rakyat tidak tahu tentang tanggungjawab mereka untuk membayar cukai dan juga ada sebahagian rakyat melarikan diri atau mengelakkan diri daripada membayar cukai. Untuk kepentingan rakyat semua dan juga negara, adalah tanggungjawab Kementerian Kewangan untuk memastikan bahawa rakyat yang tidak membayar atau mengelak cukai itu dikenalpastikan dan jikalau mereka melakukan kesalahan akan didenda supaya ini akan mendapat cukai pendapatan yang lebih lagi untuk kepentingan negara.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pembayaran cukai pendapatan perseorangan pada masa ini dikecualikan \$5,000. Kalau kita bandingkan perbelanjaan pada masa ini dengan pembayaran cukai di negara ini mengikut kadar ekonomi negara ini, ini amatlah rendah. Jika kita beli kereta, kena bayar cukai, kita minum di coffee house kena bayar cukai, menggunakan highway kena bayar tol - macam-macam cukai. Bolehkah Kementerian Yang Berhormat

menimbang untuk meninggikan pembayaran cukai perseorangan \$5,000 itu kepada satu amaun yang munasabah mengikut kadar pada masa ini.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, apabila masanya sampai, Kementerian Kewangan akan memberikan pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan sahaja lagi. Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Orang ramai bukan tidak mahu membayar cukai pendapatan mereka tetapi mereka merasa takut bila mereka mendengar perkataan 'cukai pendapatan' atau dengan izin, *income tax*. Kemungkinan mereka tidak faham mengenai perkara cukai pendapatan. Apakah langkah-langkah lanjut diambil oleh Kerajaan menerangkan kepada rakyat Malaysia, mereka sepatutnya bayar cukai pendapatan mereka?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Kewangan ataupun Jabatan Hasil Dalam Negeri sedar bahawa sebahagian rakyat takut apabila mereka dihadapi oleh pegawai-pegawai atau mendengar perkataan 'cukai pendapatan' itu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini selain daripada apa yang saya sebutkan tadi, langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk menubuhkan ketiga-tiga unit atau tadi, Jabatan Hasil Dalam Negeri atau Kementerian Kewangan juga melancarkan program-program pendidikan secara buku kecil untuk memberitahu rakyat tentang tanggungjawab mereka dan juga apabila mereka tidak bayar cukai, mereka akan didenda dan mereka akan menyusahkan diri

lebih daripada apa yang mereka bayar kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan ataupun Jabatan Hasil Dalam Negeri berasa bahawa langkah-langkah yang telah diambil ataupun program-program yang telah diambil oleh Jabatan setakat ini adalah berkesan.

BAHASA TAMIL/MANDARIN - GALAKAN MURID MELAYU

9. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggalakkan murid-murid Melayu untuk mempelajari bahasa-bahasa tempatan seperti Tamil dan Mandarin secara rasmi memandangkan bahawa Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengeluarkan suatu pendapat di *Malaysian Business* "Bahawa bahasa Tamil dan Mandarin tidak patut disifatkan sebagai bahasa untuk kaum India dan kaum Cina saja." (That Tamil and Mandarin should not be seen to be confined to certain communities only).

Menteri Pendidikan [Tuan Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Kerajaan mengenai perkembangan bahasa di negara kita jelas sekali iaitu usaha yang berterusan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa pengantar utama di negara kita. Di samping itu, penekanan diberikan bagi menjamin mutu penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar. Dasar ini tidak sekali-kali menyempitkan kefahaman, pendekatan kita tentang usaha memajukan anak-anak atau pelajar-pelajar dengan menentukan agar mereka diberikan pendedahan yang lebih bagi menguasai bahasa-bahasa lain.

Kita sebutkan di antara lain bahasa Mandarin atau bahasa Cina dan bahasa Tamil yang tidak mahu dikhususkan kepada pelajar-pelajar Cina dan India sahaja. Di sekolah-sekolah ini matapelajaran ini diberikan dengan kemudahan-kemudahan termasuk guru-guru yang mencukupi dan peluang diberikan juga kepada pelajar-pelajar lain termasuk Melayu yang berminat untuk turut mengikut pelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bersetuju tentang pendapat seorang Pengarah syarikat ini hari yang menyatakan standard bahasa Inggeris anak-anak Melayu kita amat kurang dan cara berkomunikasi pun tidak cekap?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, menurut kajian yang telah dibuat, perkara ini memang telah lama disahkan, sebab itulah dalam pendekatan KBSM penekanan tambahan diberikan kepada matapelajaran bahasa Inggeris dan mata pelajaran Sastera Inggeris mula diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah mulai Tingkatan 1 dan wajib dipelajari sehingga Tingkatan 5. Kita yakin dengan penekanan ini dalam masa beberapa tahun akan datang, mutu penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar kita akan meningkat dengan lebih baik lagi.

Di samping itu usaha bagi menggalakkan pelajar-pelajar menggunakan bahasa Inggeris ditingkatkan di .Maktab-maktab Perguruan dan diwajibkan dalam beberapa kursus utama di universiti-universiti tempatan.

PELARIAN VIETNAM

10. Dr. Nawawi bin Nat Awin minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) berapakah pelarian Vietnam yang masih berada di negara ini sekarang dan angka bandingan setahun dahulu dan enam bulan dahulu;
- (b) apakah kemajuan yang telah dicapai dalam program penghantaran balik secara sukarela yang diumumkan dahulu; dan

- (c) apakah pendapat Kerajaan sekarang tentang pengumumannya akan menutup Pulau Bidong sebagai tempat pelarian.

Menteri Luar Megeri [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendatang haram Vietnam (PHV) yang masih berada di negara ini ialah 19,016 orang berbanding dengan 18,380 orang setahun dahulu dan 20,410 orang 6 bulan dahulu.

Program menggalakkan PHV pulang dengan sukarela telah dijalankan dengan aktif setelah rancangan tindakan menyeluruh atau dengan izin, Comprehensive Programme of Action (CPA) dipersetujui di Persidangan Antarabangsa Mengenai Pelarian Indochina iaitu International Conference on Indochinese Refugees, dengan izin, dalam bulan Jun 1989.

Sehingga ini 54 orang PHV telah pulang secara sukarela termasuk 18 orang dalam tahun 1989 dan 21 orang dalam tahun 1990. Di samping itu permohonan masih diterima dari PHV yang ingin pulang dan satu kumpulan kira-kira 100 orang yang permohonan mereka sedang diproses dijangka akan pulang tidak berapa lama lagi.

Keputusan Kerajaan untuk menutup khemah sementara di Pulau Bidong adalah muktamad. Oleh hal yang demikian khemah tersebut perlulah dikosongkan dahulu. Untuk mencapai matlamat ini, rancangan tindakan menyeluruh di mana kita telah berusaha supaya diterima di ICR pada Jun 1989 adalah dipercayai dapat membawa penyelesaian yang berkekalan.

Berhubung dengan ini, negara-negara ketiga telah memberi jaminan bahawa pendatang haram Vietnam yang tiba di Malaysia sebelum 14 Mac 1989 akan dipindahkan selewat-lewatnya dalam tempoh 3 tahun dari tarikh persidangan tersebut.

Bagi PHV yang masih lagi tiba, mereka akan ditapis untuk ditentukan status mereka. Hanya mereka yang ditentukan sebagai pelarian sahaja akan dipindahkan ke negara ketiga, sementara mereka yang bukan pelarian akan dihantar pulang ke Vietnam. Masalah penghantaran pulang PHV tersebut masih lagi dalam perundingan di peringkat Jawatankuasa Pemandu yang ditubuhkan hasil daripada Persidangan Antarabangsa Orang-orang Pelarian Indo-China yang telah diadakan dan juga secara dua-hala di antara Malaysia dan Vietnam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Jendol.

Tuan David Yeoh Eng Hock: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 11.

GAJI PEKERJA KILANG

11. **Tuan David Yeoh Eng Hock [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) sama ada beliau sedar atau tidak bahawa nilai upah atau gaji bagi pekerja-pekerja kilang di negara ini adalah rendah jika dibandingkan dengan kos saraan hidup yang tinggi sekarang ini; dan
- (b) berikan perbandingan gaji pekerja kilang di negara ini dengan negara-negara di rantau ASEAN. Di atas faktor-faktor apakah maka wujudnya perbezaan nilai gaji ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Kalakau Untol]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Daripada maklumat -yang diperolehi melalui tinjauan yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia mengenai pendapatan beberapa kategori pekerja adalah tidak benar bahawa pendapatan pekerja-pekerja kilang dikatakan rendah jika dibandingkan dengan kos saraan hidup. Jika tahun 1980 dijadikan asas untuk membandingkan pertambahan pendapatan pekerja-pekerja tersebut, dari segi harga tetap atau 'constant dollars', adalah didapati kadar pertambahan pendapatan pekerja-pekerja berkenaan daripada tahun 1980 hingga 1989 ialah di antara 22.8% hinggalah kepada paras 31.1%. Manakala kadar pertambahan Angkatunjuk Harga Pengguna bagi tahun-tahun yang sama adalah di antara 20.4% hingga 35.1%. Faktor-faktor ini menunjukkan bahawa pertambahan pendapatan pekerja-pekerja kilang berkenaan adalah melebihi kenaikan dalam kos saraan hidup.
- (b) Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai maklumat untuk membuat perbandingan gaji pekerja-pekerja kilang di kalangan negara-negara di rantau ASEAN. Walau bagaimanapun, tidak ada asas untuk membuat perbandingan tersebut memandangkan faktor sosio ekonomi yang berbeza di kalangan negara-negara tersebut.

EKUITI BUMIPUTERA/BUKAN BUMIPUTERA

12. **Tuan G. Rajoo** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) penyertaan ekuiti bumiputera, bukan bumiputera dan rakyat asing di negara ini sejak kemerdekaan sehingga tahun 1990;
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan ekuiti rakyat keturunan India sejak Merdeka; dan
- (c) langkah-tangkah positif yang telah dirancang oleh Kerajaan selepas tahun 1990 untuk meningkatkan lagi kedudukan ekuiti rakyat keturunan India.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, maklumat mengenai penyertaan ekuiti mengikut kumpulan etnik mula dikumpul sejak tahun 1969 dan menjadi asas kepada perancangan Dasar Ekonomi Baru. Pada tahun tersebut bumiputera didapati memiliki kira-kira 1.6% daripada jumlah saham sektor korporat, manakala rakyat Malaysia yang lain termasuk kaum India merailiki kira-kira 38% dan peraastauCin asing pula kira-kira 60%. Menjelang akhir tahun 1990 struktur peralihan ini telah berubah di mana bahagian hakmilik bumiputera dan rakyat Malaysia yang lain masing-masing meningkat kepada kira-kira 20% dan 56%, manakala hakmilik pemastautin asing menjadi 24%.

Sejak pelaksanaan DEB khasnya langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan ekuiti rakyat tempatan adalah untuk faedah semua kaum, termasuk kaum India. Langkah-langkah ini pada amnya adalah menerusi usaha-usaha mewujudkan suasana pelaburan dan pertumbuhan ekonomi yang sihat, di samping penggunaan peraturan tertentu selaras dengan objektif penyusunan semula masyarakat.

Soal meningkatkan lagi ekuiti rakyat Malaysia termasuk kaum India di tahun-tahun selepas 1990 akan dipertimbangkan oleh Kerajaan serentak dengan usaha-usaha merancang dasar selepas 1990.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, perkara ini menjadi sebahagian daripada perhatian MAPEN. Kerajaan akan menimbangkan apa jua cadangan yang berkaitan dengan soal ini apabila dasar baru tarsebut digubal sepenuhnya.

PENGANIAYAAN KANAK-RANAK

13. **Dr Ng Khek Khiung** minta Menteri-Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah kes penganiayaan kanak-kanak yang telah dilaporkan kepada Polis semenjak 5 tahun kebelakangan ini mengikut pecahan kaum dan latarbelakang sosio ekonomi keluarga kanak-kanak; dan
- (b) adakah denda \$10,000 seperti yang dicadangkan dalam pindaan kepada Akta Perlindungan Kanak-kanak itu memadai sebagai penyelesaian memandangkan kesan yang tertinggal pada jiwa kanak-kanak dan keluarga yang terbabit. Bagaimanakah pula bantuan dari segi psikologi untuk merawat penyakit.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kes penganiayaan kanak-kanak yang telah dilaporkan kepada Polis semenjak 5 tahun kebelakangan ini mengikut pecahan kaum ialah:-

Melayu	-	41
Cina	-	22
India	-	17
Lain-lain	-	8
Jumlah:	-	98

Mengikut sosio-ekonomi keluarga kanak-kanak ialah:-

Petani/buruh	-	1
Kakitangan Kerajaan	-	48
Berniaga	-	30
Tidak kerja tetap	-	7
Tidak diketahui	-	12
Jumlah:	-	98

- (b) Pindaan kepada Akta Perlindungan Kanak-kanak adalah masih lagi di peringkat kajian. Dengan itu, saya tidaklah bercadang untuk menjawab lebih lanjut atas perkara ini.

MENOLONG PETANI-PETANI

14. **Dr Tan Chong Keng** minta Menteri Pertanian menyatakan cara-cara menolong petani-petani dari segi baja, tanah benih, bekalan pokok buah-buahan dan lain-lain yang dijalankan oleh Kementeriannya. Berapakah jumlah peruntukan yang digunakan pada tahun 1989 bagi cara-cara menolong petani tersebut,

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, bagi menolong petani-petani dari segi baja, benih, bekalan pokok buah-buahan dan lain—lain, Kementerian Pertanian berserta Jabatan/Agensi di bawahnya telah melaksanakan beberapa program.

Di bawah Skim Subsidi Baja Padi, baja-baja padi telah dibekalkan kepada penanam-penanam padi secara percuma, tertakluk kepada had maksima seluas 6 ekar. Dalam tahun 1989, sebanyak \$86 juta telah diperuntukkan di bawah Skim Subsidi Baja Padi.

Jabatan Pertanian pula telah melaksanakan satu projek yang dinamakan Projek Demonstrasi Bersepadu. Projek ini bertujuan menggalakkan petani-petani di kawasan luar bandar mencebur diri dalam projek-projek pertanian secara berkelompok dan mengamal teknologi perladangan yang moden. Petani-petani yang terlibat dibimabing dan dipupuk untuk mengurus kebun-kebun mereka dengan cekap melalui penggunaan input-input pertanian secara betul dan

secukupnya. Di bawah projek ini, keperluan input pertanian yang minima disediakan seperti benih, baja dan racun perosak bagi membolehkan petani-petani memulakan projek. Selain daripada itu, di bawah Skim Galakan Buah-buahan Berkelompok, Jabatan Pertanian membekalkan anak-anak pokok yang bermutu dengan harga subsidi \$1.00 sepokok.

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan pada tahun 1989 bagi membantu petani-petani di bawah Projek Demonstrasi Bersepadu secara kelompok ini ialah \$2.72 juta.

PUSAT BIMBINGAN KANAK-KANAK

15. **Tuan K. Sivalingam** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada pindaan kepada Akta Pusat Bimbingan Kanak-kanak (Child Care) untuk meningkatkan lagi mutu kawalan pusat-pusat ini supaya meliputi estet-estet di negara ini.

Menteri Kebajikan Masyarakat [Dato Mustaffa bin Mohammad]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, taman asuhan kanak-kanak adalah di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 atau Child Care Centre Act 1984, dengan izin. Akta ini memberi tumpuan kepada taman asuhan yang menerima masuk kanak-kanak di bawah umur 4 tahun untuk dijaga dengan upah dan ianya tidak meliputi pusat jagaan kanak-kanak (nursery) di ladang-ladang (estate) yang mana semua kemudahan dan perkhidmatan disediakan secara percuma oleh pihak majikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan bercadang untruk membuat pindaan kepada Akta (Piawai Minimum Perumahan) Pekerja 1966, iaitu Akta yang mengawal pusat-pusat jagaan kanak-kanak di ladang-ladang supaya mutu kawalan dan perkhidmatan di pusat-pusat

jagaan kanak-kanak di ladang-ladang di negara ini dapat ditingkatkan, dan di mana yang boleh diselaraskan dengan keperluan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984.

AKTA PENDIDIKAN BARU

16. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Pendidikan menyatakan perkembangan terbaru mengenai cadangan Akta Pendidikan baru dan bilakah ia dijangka akan dilaksanakan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah diumumkan perakuan cadangan pindaan Akta Pendidikan yang baru telahpun diedarkan kepada pemimpin-pemimpin komponen Barisan Nasional untuk mendapat satu kesefahaman sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat ataupun sebelum diedar untuk pengetahuan umum. Ini tidak termasuk draf Rang Undang-undang yang sedang diteliti di peringkat terakhir oleh Kementerian Pendidikan. Setelah kita teliti dan berpuas hati dengan draf Rang Undang-undang tersebut, ini akan diedarkan dan dibahaskan sebelum dibentangkan di Dewan Parlimen.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, mungkinkah Akta ini akan dibentangkan sebelum pilihanraya umum?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh jawab soalan itu, kalau saya diberitahu oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, bila pilihanraya. Tetapi, Tuan Yang di-Petua, secara serius boleh saya maklumkan bahawa deraf Rang Undang-undang ini sudah di peringkat akhir, maka saya jangka ia dapat dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat yang akan datang.

DOKTOR DAN JURURAWAT - KEKURANGAN

17. **Tuan Hassan bin Haron** minta Menteri Kesihatan menyatakan betapa seriuskah masalah kekurangan jururawat dan doktor di Malaysia kini sehingga terpaksa mengambil mereka ini dari luar negeri, dan menjelaskan apakah perancangan gunatenaga dalam bidang perubatan dan kesihatan telah gagal membuat unjuran yang tepat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat kekurangan jururawat dan doktor di Kementerian Kesihatan Malaysia pada masa ini, masalah akibat kekurangan tidak begitu serius kerana 91.1% daripada 12,133 jawatan jururawat dan 85.4% daripada 4,812 jawatan doktor di Kementerian Kesihatan telah diisi. Juga, walaupun Kementerian Kesihatan mengalami kekurangan tersebut, ianya masih dapat memberi perkhidmatan yang baik dan berkesan kepada rakyat.

Saya suka juga memaklumkan bahawa Kerajaan telah memersetujui permohonan hospital swasta mengambil bertugas jururawat dari luar negeri sebagai langkah sementara sahaja sehingga satu masa bila bilangan jururawat dilatih di dalam negeri dapat menampung keperluan hospital-hospital swasta tersebut. Juga hanya doktor-doktor pakar sahaja dari negara-negara asing yang akan diambil untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan secara kontrak. Ini pun sebagai

langkah sementara sehingga doktor—doktor pakar warganegara kita mencukupi untuk memenuhi keperluan perkhidmatan perubatan.

Berkenaan dengan perancangan gunatenaga dalam bidang perubatan dan kesihatan, saya suka juga menyatakan di sini bahawa Kementerian Kesihatan mengadakan perancangan terperinci terhadap keperluan tenaga manusianya. Walaupun langkah-langkah telah diambil untuk memastikan kecukupan kakitangannya, kekurangan masih berlaku di atas sebab-sebab:

- (a) Kakitangan Kementerian Kesihatan meninggalkan per—khidmatan Kerajaan untuk bekerja dengan hospital dan klinik swasta. Perkara ini berlaku di luar jangkaan dengan perkembangan perkhidmatan perubatan swasta akhir-akhir ini akibat daripada perkembangan ekonomi di negara ini.

Terdapat juga sebilangan kakitangan yang meletak jawatan untuk bertugas dengan negara-negara seperti negara Timur Tengah dan negara jiran yang mampu memberi ganjaran yang lebih baik kepada mereka .

- (b) Pengambilan Pelatih ke dalam Sekolah-sekolah Latihan Kementerian Kesihatan dikendalikan secara konservatif dan berhati-hati tiga, empat tahun yang lalu semasa negara mengalami kemerosotan ekonomi. Memandangkan jangkamasa latihan adalah tiga tahun, kekurangan pengeluaran sedang dialami pada masa ini.

Bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sedang dan akan sentiasa mengawasi keadaan, dan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mengatasi kekurangan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup- dan Jawapan bagi Pertanyaan No.18 hingga 48 akan dimasukkan dalam naskah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1989)****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (26hb Mac, 1989)

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Tuan Hassan Harun untuk menyambung semula ucapan beliau semalam. Dipersilakan .

3.34 ptg.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya menyambung ucapan saya yang tidak dapat diselesaikan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sedang membincangkan tentang Dasar Pelancongan Tanahair dan saya telah menyatakan bahawa fenomena pelancongan ini adalah satu fenomena sejagat yang tidak dapat dielakkan, sebab beberapa perubahan yang sedang berlaku di seluruh dunia, terutama sekali berhubung dengan revolusi maklumat telekomunikasi dan komunikasi. Dunia sekarang sudah menjadi global village. Umat manusia yang ada dalam dunia sekarang menganggap seluruh dunia ini sebagai milik mereka semua. Batasan-batasan dan sempadan-sempadan yang diadakan itu merupakan artificial creation, dengan izin, yang tidak seharusnya menghalang pergerakan manusia di seluruh dunia. Saya telah juga mengatakan di sekitar rantau Pasifik ini tidak kurang daripada 30 juta manusia berkisar tiap-tiap tahun, hendak tidak hendak, sama ada kita mengadakan rancangan Tahun Melawat Malaysia ataupun tidak, mereka pasti akan masuk ke negara kita. Cuma rancangan Tahun Melawat Malaysia mempercepatkan proses

itu sahaja, mempercepatkan proses kemasukan pelancong-pelancong ke tanahair kita. Tetapi yang lebih penting lagi kerana kemasukan pelancong-pelancong ini agak ketara sekali sudah tentu negara kita perlu bersedia untuk menyambut dan menyahut cabaran-cabaran yang mungkin timbul daripada pelancong-pelancong ini.

Pelancong-pelancong ini kebanyakannya terdiri daripada kelas pertengahan yang mempunyai nilai-nilai apa yang disebut sekarang "YAPI" iaitu nilai-nilai pertengahan. Mereka ini berpendidikan tinggi, berkemampuan. Mereka mempunyai pendirian sendiri dan mereka ini boleh jadi agen-agen perubahan. Sekiranya kita tidak bersedia untuk berdepan dengan mereka, mereka akan membawa masuk nilai-nilai yang mungkin akan menjejaskan nilai-nilai yang sedia ada di negara ini. Malahan sekarang pun reaksi daripada masyarakat kita tentang pelancong-pelancong ini berbelah bagi. Ada yang mengatakan pelancong-pelancong ini akan membawa kos sosialnya, akan menimbulkan pertembungan nilai di antara nilai asing dengan nilai tradisional kita, akan mencetuskan rusuhan akhlak yang menimbulkan keruntuhan akhlak, akan mengubah persekitaran kita kerana manusia akan berkejaran untuk mencari keuntungan daripada para pelancong ini. Alam sekitar kita tidak terjaga dan seterusnya akan mengakibatkan bermacam-macam lagi masalah yang menjadi kos yang besar kepada negara kita.

Jadi, Dasar Pelancongan dan Tahun Melawat Malaysia yang kita sedang dalam proses melaksanakan sekarang ini adalah satu perkara yang amat baik sekali, malahan bagi saya adalah satu perkara yang bijak, satu perancangan, satu antisipasi tentang perkembangan yang mungkin timbul daripada banjir pelancong-pelancong ini. Kehadiran pelancong dalam masyarakat kita seperti saya katakan tadi akan menimbulkan pertembungan nilai dan perkara-perkara lain lagi. Kerana pelancong-pelancong ini datangnya daripada mereka yang

berpendidikan, sudah tentu mereka ini akan membawa perubahan-perubahan dan mereka ini akan berdepan dengan rakyat kita secara face to face, secara persenukaan yang kita tidak dapat tidak mesti menerima bahawasanya mana-mana nilai yang lebih tinggi, mana-mana pengaruh-pengaruh yang lebih kuat akan sudah tentu mempengaruhi yang lebih lemah .

Ternyata sekali perkara ini berlaku di Eropah Timur, hasil daripada pelancong yang masuk ke Eropah Timur apabila Gorbachev melancarkan Dasar Perestroika dengan dasar glasnostnya mencetuskan revolusi di sana. Sudah pasti di negara kita, kita tidak dapat memencilkan diri daripada dunia, kita tidak boleh isolate diri kita daripada dunia.

Maka dengan Tahun Melawat Malaysia, kalau kita tengok papan-papan tanda - billboard-billboard ini diperkatakan dalam Bahasa Malaysia, bagi saya kempen ini adalah kempen kepada rakyat Malaysia sendiri supaya menyedari bahawa kita sekarang ini sedang berdepan dengan banjir manusia yang akan membawa masuk bermacam-macam acara dan angkara. Kalaulah kita tidak bersedia, kalau rakyat kita tidak dikejutkan supaya bersedia untuk berdepan dengan mereka ini, sudah tentu kita akan berdepan pula dengan kejutan sosial, kejutan nilai yang mungkin rakyat kita tidak akan dapat mengawalkan diri. Akhirnya sekali kita akan terpengaruh seperti mereka dan akhir pula akan mencetuskan perubahan-perubahan yang mungkin tidak diingini.

Apabila kita melihat di dalam televisyen kita, apabila kita melihat papan-papan tanda di setiap jalan dan papan-papan tanda ini dalam Bahasa Malaysia bukannya untuk tourist yang melawat Malaysia, bukan untuk pelancong-pelancong yang sudah pasti tidak dapat membaca dan memahami cogankata-cogankata di papan-papan tanda itu. Maka papan-papan tanda itu lebih dihalakan kepada rakyat sendiri supaya ingat kita orang Timur, bersopan santun, kita mesti bermesra. Ini semua mengingatkan kita, jangan sekali-kali apabila pelancong datang ke sini, kita dengan secara tidak sedar sedikit demi sedikit mengikis nilai-nilai yang baik yang ada pada diri kita itu. Jadi, bagi mereka yang mengatakan dasar pelancongan ini ialah hendak menjualkan Malaysia, hendak melacurkan Malaysia untuk mendapat sedikit sebanyak wang adalah suatu tuduhan yang saya rasa amat tidak bijak sekali apabila kita sedar dan memahami hakikat yang sebenar apa yang berlaku dalam dunia pelancongan ini.

Berkait dengan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian. Pelancongan dan Kebudayaan, kerana dalam jangka masa yang amat singkat sudah berjaya menimbul kesedaran kepada rakyat supaya bersedia untuk berdepan dengan mereka ini dan apabila kami melawat Kementerian itu pada hari kelmarin, kami diberi taklimat yang lengkap dan ditunjuk pula tayangan gambar yang mengagumkan. Saya hanya boleh merumuskan dalam perjumpaan itu, tidak pernah dalara hidup saya - saya rasa juga Ahli-ahli Dewan Negara yang lain bersama saya merasai bangga bahawasanya kita ini anak Malaysia jati.

Mengikut unjuran Keraenterian- Pelancongan dan Kebudayaan, dalam masa 5 tahun akan datang ini, pelancong akan bertambah dengan pesat dengan kadar 10% setahun ataupun lebih sedikit. Pada tahun ini (1990) dijangka 4.3 juta akan melawat Malaysia. Pada tahun depan 4.7 juta dan seterusnya sampai 1995 jumlah pelancong yang akan melawat Malaysia akan meningkat naik kepada hampir 7 juta (lebih kurang 40% dari jumlah penduduk Malaysia). Cuba bayangkan dalam 1-5 tahun akan datang ini 7 juta pelancong masuk ke Malaysia dari segenap pelusuk dunia dengan nilai masing-masing, dengan cara pembawaan masing-masing. Apakah mereka ini tidak akan mempengaruhi masyarakat kita? Sudah tentu akan mempengaruhi masyarakat kita. Sudah tentu kita terpaksa bersedia untuk mereka, bukan sahaja bersedia tetapi rakyat kita akan bertembung dengan mereka secara face to face, secara persemukaan. Ini sudah tentu reaksi dan interaksi di antara rakyat dalam negeri kita dengan rakyat daripada luar negeri. Sudah tentu pengaruh mereka akan diserapi masuk ke dalam masyarakat- kita. Jadi, kalaulah kita tidak bersedia, sudah tentu kita akan dipengaruhi oleh mereka ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya bukan sahaja merancang untuk menarik pelancong masuk dengan peruntukan \$92 juta seperti yang saya difahamkan tahun ini. Saya berpendapat peruntukan ini perlu ditambah untuk menyediakan rakyat Malaysia, supaya bukan sahaja bersedia untuk berdepan dengan cabaran-cabaran yang baru ini, tetapi juga supaya rakyat Malaysia dapat menikmati keindahan yang ada di Malaysia ini. Sejak kita berkempen untuk menarik pelancong-pelancong dari luar negeri, dengan sendirinya kita sedar tentang keindahan negara kita sendiri.

Dahulu kita tidak tahu Pulau Langkawi sebegitu cantik, kita tidak tahu Pulau Tioman itu cantik. Kita tidak sedar Pulau Tioman itu merupakan salah satu pulau yang tercantik di dunia, kita tak sedar 'Sabah begitu elok. Jadi, semua ini sudah tentu akan menimbulkan lagi kesedaran dan keinsafan di kalangan rakyat betapa cantiknya negara kita dan dengan sendiri akan menggalakkan pelancongan dalara negeri, domestic tourism. Domestic tourism ini sudah tentu akan menjadi salah satu matlamat utama Kementerian ini supaya para rakyat sendiri melancong dalam negeri, supaya tidak keluar, dengan sendirinya kita dapat menyelamatkan wang negara supaya ramai di antara kita, terutama pembesar-pembesar, orang-orang kaya tidak lagi tiap-tiap kali hendak bercuti terus ke negeri-negeri lain untuk berehat kononnya, sedangkan di negeri kita banyak tempat yang boleh dilawati.

Hotel-hotel yang first-class, tempat-terapat peranginan yang first-class, bukankah negara kita lebih aman kalau dibandingkan dengan negara jiran seperti Thailand, [ndonesia ataupun negara jiran yang berdekatan. Sudah tentu apabila ini dikatahui oleh umum, maka rakyat akan melawat di dalam negeri ini sendiri. Dengan itu kita akan menambahkan lagi kesedaran rakyat dan akhirnya

melahirkan rasa sayang kepada negara ini. Maka tercapailah kita kepada kehendak kita untuk mendapatkan rakyat kita menjadi rakyat yang patriotik. Patriocisme itu lahir dari keinsafan, kesayangan dan juga rasa cinta kepada negara ini dan saya rasa akhir-akhir ini hasil daripada kita menimbulkan kecantikan, keindahan dan segala-gala yang positif mengenai negara kita ini, lebih ramai lagi rakyat kita berasa bangga menjadi rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pelancongan ini juga ada orang yang menuduh, membuat tohmanan bahawa dasar pelancongan ini tidak lain tidak bukan adalah satu dasar untuk melacurkan negara, maka saya mencadangkan, supaya pihak Kementerian Pelancongan bersama dengan Kementerian Penerangan menerangkan tujuan sebenar secara seluas-luas mungkin kepada rakyat kita supaya tidak timbul perasaan syak-wasangka tentang dasar ini.

Berkaitan dengan ini, saya ingin menyentuh masalah strategi pemasaran pelancongan kita. Salah satu perkara yang diberitahu oleh pihak Kementerian, yang dihadapi oleh Malaysia ialah masalah imej. Kata pihak perancang kita, Malaysia menghadapi satu imej dari segi produk kita. Kita tidak tahu apakah sebenarnya yang kita hendak jual kepada dunia. Aspek mana daripada negara kita hendak dijual. Kalau Thailand, mereka menjual aspek-aspek tertentu seperti banyak orang sudah tahu, kalau Indonesia ada aspek-aspek tertentu pula, kalau Amerika Syarikat ada imej tertentu. Tetapi bagaimana Malaysia? Mengikut para perancang pemasaran pelancongan kita, imej yang hendak ditonjolkan bagi Malaysia ialah "negara yang mempunyai budaya yang unik". Kita hendak menjual keunikan negara kita itu.

Kita rakyat berbilang bangsa, berbilang agama, berbilang adat resam, berbilang segala-galanya. Supaya apabila orang melawat Malaysia dia bukan sahaja dapat melihat sekali gus orang Melayu tetapi mereka dapat melihat orang Cina, orang India dalam konteks satu negara di bawah satu payung. Ini satu aspek yang positif yang kita perlu tonjolkan.

Kalaulah ini menjadi imej yang kita hendak tonjolkan, saya berpendapat supaya pihak perancang pemasaran kita bukan sahaja tonjol di luar negara, keunikan imej kita ini. Dia juga perlu ditonjol kepada rakyat Malaysia bahawa aspek-aspek inilah yang hendak ditonjolkan kepada dunia supaya rakyat kita sendiri memahami bahawasanya tourism atau pelancongan ini tidak boleh dikaitkan dengan pelacuran. Oleh kerana saya datang daripada negeri yang konservatif - Negeri Kelantan, aspek ini amat penting diberitahu kepada umum supaya orang tidak salah faham, supaya mereka yang berfikiran sempit tidak melihat masalah ini dalam kesempitan penglihatannya. Mudah-mudahan mereka akan dapat menerima dasar pelancongan ini sebagai bukan sahaja usaha untuk menjual Malaysia tetapi juga untuk mendedah rakyat Malaysia kepada aspek-aspek positif dalam budaya negara supaya mereka sedar tentang kelebihan negara kita supaya mereka menjadi lebih patriotik, supaya mereka lebih sayang kepada negara ini, lebih bangga kepada negara ini akhirnya kita dapat melahirkan sebuah negara yang bersatu-padu "Unity through Tourism", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya ttdak bercadang untuk bercakap panjang tetapi di atas desakan oleh beberapa kawan supaya bercakap terutama sekali Yang Berhormat Senator Puan Aion.. Saya rasa saya arabillah kesempatan ini untuk tambah sedikit lagi. Saya ingin bercakap juga raengenai Kementerian Kehakiman.

Peruntukan tambahan \$3 juta ini saya rasa sedikit memandangkan banyak perkara yang perlu dibuat yang tidak dibuat selama ini. Misalnya, saya rasa banyak usaha perlu dibuat untuk mempercepatkan segala-gala yang belum selesai lagi di Kementerian itu, terutama sekali penimbunan kes-kes yang tidak selesai selama ini. Lebih-lebih lagi saya rasa kalaulah kita boleh tambah peruntukan, sudah tentu saya rasa Kementerian Kehakiman kalau diberi tambahan memang suka intuk menyelesaikan banyak masalah, misalnya, pelaksanaan atau penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah tersebut sudah tentu akan dapat dipercepatkan. Sekarang ianya terpaksa ditangguh lagi sebulan perlaksanaannya. Saya yakin kepimpinan yang ada dalam sistem kehakiman kita ini adalah terdiri daripada mereka yang berwibawa.

Berkaitan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada sebuah buku yang baru ditulis, yang baru sahaja ada dalam pasaran mengenai sistem kehakiman kita. Buku itu berjudul **Judicial Misconduct** oleh Peter Alderidge William'3, Q.C.

Buku ini cuba membentangkan kepada masyarakat mengenai episod kejatuhan Ketua Hakim Negara yang dulu. William Aldridge ini ialah seorang peguam dari New Zealand yang berpengalaman lebih daripada 30 tahun. Beliau datang ke Malaysia buat kali yang pertama untuk menolong membela kes Cohen, kes ibu dengan anak daripada New Zealand mengenai dadah. Dia ke sini untuk membantu beberapa peguam tempatan termasuk seorang peguara yang bernama Karpal Singh, Sebelum dia ke Malaysia, dia diberitahu supaya berhati-hati apabila masuk Malaysia. Saya baca apa yang dia kata sebelum dia datang ke Malaysia buat pertama kali:

(Dengan izin), "It is fair to say that prior to arriving in Malaysia, I shared many of the misconceptions that some New Zealanders have about that country (Malaysia). I was indeed warned that this was a country dangerous to visit because of a proclivity in the Malaysian police to fabricate evidence against foreigners by tampering with their luggage, and on my first trip because of this admonition I took with me only one hand luggage."

Dia datang sehelai sepinggang. Takut dia, nanti sampai di airport, orang buka beg dia masuk dadah, tangkap dia, masuk jail. Itu bayangan yang dapat pada mereka di luar negeri. Siapakah pengkhianat bangsa ini yang meracuni setiap rakyat di dunia supaya tidak datang ke Malaysia ini. Saya hairan siapa manusia ini!

Lagi, seketika di sini, dia menghadiri perbicaraan Cohen tadi, dan dia kata:

(Dengan izin) "as the proceedings progressed, I was impressed by the calm and dignified judicial attitude demonstrated by the panel, particularly by its President."

Nah, sesudah berdepan dengan keadaan sebenar dia mula berubah, "Tidak kenal maka tidak cinta".

Dalam buku ini dia juga menyebut dia dijemput buat kali yang kedua. Apabila bekas Ketua Hakim Negara yang dulu dijatuhkan beliau dijemput oleh, saya difahamkan, peguam-peguam di sini untuk membuat kajian yang independent, yang bebas mengenai kes itu, kes kejatuhan Ketua Hakim Negara. Dia datang ke Malaysia, dan menyebut:

(Dengan izin) "I came to Malaysia as a outsider and as an independent and pbjective observer and witnessed the machinery of justice turning sraoothly and effciently, and the conduct o£ the Judges impeccable and polished."

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan seorang Queen'9 Counsel yang datang ke Malaysia dengan tujuan mula-mulanya hendak membuktikan sistem kehakiman di negara ini sudah tidak ada lagi, kebebasannya sudah raati, segala-galanya sudah lenyap. Tetapi apabila beliau hadir ke negara ini, melihat dan mengalami sendiri, konklusinya seperti saya bacakan tadi. Dan malangnya, dua hari sebelum Dewan Rakyat, kalau tidak salah saya dan kalau ingatan saya betul, dua hari sebelum Dewan Rakyat tamat, salah seorang ahli Pembangkang baagun membuat ucapan mengenai hal yang sama penulis ini - Queen's Counsel dituduh .sebagai "penulis upahan" Perdana Menteri kita. Jadi apa sahaja yang ditulis, yang baik-baik mengenai negara ini Gidak disenangi. Yang buruk itu yang dipentingkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan kenapakah setengah-setengah rakyat Malaysia begitu rupa perasaan hasat dengkinya. Kenapa tidak boleh mereka ini bersikap positif sedikit.

Mengikut kajian saya secara perseorangan, ada sebab-aeabab tertentu kenapa di antara kita ini mempunyai sikap sedemikian rupa. Kajian yang saya buat ini mungkin. tidak begitu saintitik tetapi saya rasa sesudah mendengar apa yang saya akan terangkan ini, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan bersetuju dengan saya. Saya bahagi- rakyat Malaysia ini kepada tiga jenis. Satu, saya panggil rakyat Malaysia "tidak peduli", satu lagi saya panggil rakyat Malaysia "emosi" dan yang satu lagi saya panggil rakyat Malaysia "saintifik".

Rakyat Malaysia yang tidak peduli ini, gelagatnya, psikologinya adalah seperti begini - kacang lupakan kulit, tidak apalah, tetapi kalau orang puji, kaduk naik junjung - kalau minta kerja, minta tolong, "Ah! susah, tak usah tolong, buat apa kita hendak tolong" rezeki secupak tidak akan jadi segantang, kepentingan diri semata- mata, jahil pula tu. Inilah yang saya kata rakyat Malaysia yang tidak peduli. Meraka ini, kalau ada untung cepat-cepat hendak pergi, tetapi kalau rainta bersama-sama mempertahankan negara, awal- awal lagi mengundurkan diri.

Satu lagi yang saya kata rakyat Malaysia emosi. Gelagat psikologinya - mengamuk. Kalau tidak dapat tanah, Cembak semua orang. Sentuh sedikit melatah, histeria - seorang berteriak yang lain terus berteriak semua, lepas itu Eanatik. Ada satu lagi iaitu Ph.D - bukan Doktor Filosofi, tetapi perangai hasad dengki, kalau marah pada nyamuk, dia bakar kelambu. Menang sorak kampung tergadai, tidak mengapa, Harap pagar, pagar makan padi. Kalau boleh jadi. batu api. Yang dikendong tercicirpun tidak apa, yang

dikejar sama sekali tidak dapat, kaduk naik junjung. Kata orang Kelantan - makan anak. Kerana kena para yang tidak ada meter, tidak tahu bila dia akan habis. Dia akan pecah apabila sampai satu masa. Gajah di depan tidak nampak, biarlah sama tidak boleh kata orang Kelantan, biar sesama sahaja. Inilah sikap di kalangan orang kita - sikap yang saya rasa rakyat Malaysia yang emosi, ditanam pula oleh pemimpin-pemimpin parti Pembangkang dengan satu sikap supaya meragui segala-gala yang dibuat oleh Kerajaan., memanipulasikan beberapa golongan manusia yang bersikap demikian tadi untuk tujuan mereka - tujuannya ialah untuk menimbulkan keraguan di kalangan rakyat terhadap Kerajaan yang sedang memerintah kini.

Bagaimana pula satu jenis rakyat Malaysia tadi, satu lagi saya panggil rakyat Malaysia yang saintitik, termasuk di kalangan mereka ialah orang-orang Muslim yang moden. Mereka bersikap progresif, objektif dalam penglihatan mereka terhadap dunia. Dia tidak cepat membuat kesimpulan, dia kaji terlebih dahulu, dia realistik, dia pratikal, dia yakin pada diri sendiri, dia mempunyai vision dan berpandangan jauh. Mereka berdikari, mereka tidak mengemis, berjiwa besar, mempunyai rasmi padi dan saya yakin semua yang ada dalam Dewan ini adalah daripada golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sedar keadaan ini, saya hairan apabila saya membaca, seorang lagi yang kita selama ini menyangka terdiri daripada kalangan orang yang baik-baik, tetapi malangnya ada di antara kita ini dia boleh berubah daripada seorang rakyat Malaygia yang saintifik, yang objektif, yang realistik tadi menjadi seorang yang emosi, yang merabuat generalisasi sesuka

hatinya. Salah seorang ini, saya rasa tidak lain dan tidak bukan adalah orang yang kita sangat-sangat segani pada satu masa dahulu. Dia menulis dalam sebuah majalah di Singapura - "Singapore Law Review". Katanya, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua:

"The tendency here in Malayaia is that a lot of our politicians have very primitive mentalitiea".

Tan Sri General bersara kita, .seorang ahli politik apabila jadi Senator, saya difahamkan pakai Mercedes juga - iniputi primitive mentality? Dengar apa dia kata lagi, dia qualify statement tadi, "a lot of our politicians have very primitive mentalities", dan dia tambah lagi, "they think, oh! I am in power, T am now riding around in a Mercedes, I can do what I like." Maka tiap-tiap orang Ahli Senate, Ahli Dewan Rakyat, ahli politik, Menteri Besar yang pakai Mercedes semuanya bermentaliti primitive.

Siapakah yang menulis ini, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian? Lni adalah tidak lain tidak bukan bekaa Ketua Hakim Negara kita, Tun Suffian. Ya Allah, kenapakah begini sekali perasaan marahnya, sanggup menulis dalam majalah di luar negeri, di negara jiran pula tu - Singapura, di mana kita dipermain-mainkan, ditulis begini - "primitive mentality" kononnya. Tetapi kerana kita diajar oleh agama Islam, kerana kita orang Melayu dan orang Asia, sebagai orang Islam kitia menghormati orang tua, Kalau orang Cina mereka menganuti nilai-nilai Confucian, aspek-aspek extended family, nilai-nilai kasihan kepada orang tua - fait accompli. Sudah tentu kita tidak akan membuat kacamam kepada orang tua-tua kita walaupun kita tahu mereka ini sudah hidup di luar zaman mereka. Malahan seperti

saya katakan dahulu, inilah di antara mereka yang saya panggil "The brown Englishmen", dengan izin, yang layak disimpan di Muzium Negara dan jangan dikeluarkan lagi untuk dipamerkan kepada rakyat. Inilah orang-orang yang deagau sendirinya menjatuhkan imej negara di luar negeri. These muzium pieces oughc to be put in their proper places, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kita merupakan orang Asia, kita tidak akan mengecam mereka, kita cuma memberitahu kepada umum bahawa mereka ini telah sampai kepada satu peringkat umur yang kita rasa kita tidak perlu mengata banyak - kerana saya masih ingat nenek saya di peringkat umur yang sama, sebelum dia meninggalkan dunia ini untuk kembali ke rahmatullah, dia pernah marah kepada saya, sudahpun kita beri makan, sudahpun kita beri segala-gala layanan, sejenak kemudian dia memarahkan saya, dia kata, cucunya tidak memberi makan kepadanya - kerana mungkin umurnya sudah begitu lama.

Kerana mengenangkan keadaan demlkian orang-orang seperti **ini**, kita tidak perlu marahkan mereka. Malahan kalau mengikut hati saya kerana saya ini adalah kumpulan generasi didikan tempatan, belajar di sini, dibesar di sini dan tidak pernah ke seberang laut untuk pelajaran asas. Malahan pemimpin-pemimpin yang ada di dalam Dewan ini hampir semua anak-anak yang dilahir walaupun sebelum merdeka kebanyakannya tetapi mendapat didikan selepas kita merdeka.

Mereka yang bercakap seperti ini adalah mereka yang mendapat didikan daripada luar negeri, yang tidak mengenali anak-anak dan cucu-cucu yang meraka didik selama ini. Mereka sudah terlupa bahawasanya negara ini sudah diserahkan kepada tangan orang yang lebih muda. Menteri-menteri kita yang **ada**, siapa mereka itu, anak yang keluar daripada universiti-universiti tanahair. Mereka ini hasil daripada titik peluh mereka sendiri tetapi mereka tidak beri keyakinan kepada anak-anak mereka. untuk mengendalikan negara ini, untuk kebajikan masa hadapan. Kita lebih mengetahui apa yang berlaku sekarang daripada mereka yang hidup di zaman dahulu. Kita lebih mengetahui apa untuk kita, apa untuk masa hadapan kita kerana kita pun bertanggungjawab, tidak akan melakukan sesuatu sewenang-wenangnya. merdeka kita, Yang Teramat Mulla Tunku Abdul Rahman

Tuan Yang di-Pertua, maka dalam konteks yang samalah apabila Bapa Kemerdekaan apa-apa pada kita, saya rasa kita tidak dengar daripada kalangan parti pemerintah mencacinya. Bukan kita bersetuju - "Silence in this case does not mean consent", Tuan Yang di-Pertua, tetapi kerana kita masih menganut nilai-nilai Asia yang saya sebutkan tadi - dan kami, terutama sekali orang Islam tidak sekali-sekali akan mengikut perasaan mengutuk orang tua yang kita hormati. Sudah tentu kalau kita sedari dan kalau orang-orang tua kita sedari kalau

mereka mahu disanjung oleh anak-anak mereka sendiri, pandailah menjaga diri, sebab dalam raasalah Tunku Abdul Rahman, siapa sahaja yang hidup pada penghujung tahun 60an, yang ada di Kuala Lumpur pada tahun 1969, yang ada di kampus pada penghujung tahun 60an dan awal 60an masih lagi ingat dengar perasaan marah kepada pemimpin-pemimpin kita di masa itu.

Marahnya Tuhanlah yang tahu tetapi kerana kita orang Islam bersabar, kita tidak akan berbuat sesuatu yang tidak diizinkan oleh Allah s.w.t. tetapi perlu diingat mereka ini jangan sekali-kali bermain dengan api. Orang Melaya ada sifat tadi, terutamanya mengamuk sekali-kali. Jangan ditekan sehingga perasaan rakyat yang lebih muda, yang lebih faham masalah sekarang ini tercetus sedemikian rupa, bangkit mereka dan tidak dapat dikawal kelak merugikan negara. Tetapi yakinilah, Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin yang ada sekarang yang terdiri daripada mereka yang waras, yang benar-benar menghayati nilai-nilai Islam dan nilai-nilai orang Timur dan kita tidak akan kompromi dalam aspek itu. Kita tidak akan distracted dengan baits atau umpan-umpan yang dilempar oleh mereka itu supaya kita terperangkap dalam jeratannya. Sudah tentu kita tidak akan dapat dipujuk untuk terjerumus bersama dengan mereka dalam jurang yang hina itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk izinkan saya menyentuh sedikit masalah negeri Kelantan. Kalau tidak boleh menyentuh negeri Kelantan saya rasa tidak puas hati kerana saya merupakan Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan berkali-kali mengenai Dasar Perindustrian Negara. Dasar Perindustrian Negara ini difahami, dirancang, difikir secara mendalam untuk kebaikan negara. Kita faham dalam pengurusan ekonomi, kita tidak boleh buat

segala-gala sekali gus. Tiap-tiap perkara yang kita hendak buat ada opportunity causenya. Kalau dibuat di sini, tidak boleh dibuat di sana. Kalau buat ini, tidak boleh ini. Cause melepas ini kita faham tetapi dalam konteks negeri Kelantan, dalam percaturan pembangunan keseluruhannya Dasar Perindustrian sekarang ini tidak membantu Kelantan untuk merabangun seperti negeri-negeri lain. Apabila saya membaca Sarge Ahead Selangor - satu keluaran khas, - KOMPAS, kagum saya melihatnya, Dalam buku ini tercatat berbagai-bagai yang dibuat untuk Selangor. Alamak! development budget pun \$442 juta, Kelantan hanya S92 juta lebih untuk setahun sedangkan rakyat di sana 95% Melayu, di sini 41% Melayu dan rakyat yang termundurnya di Kelantan. Saya menyeru kepada Kerajaan bukan sahaja keistimewaan akan diberi kepada Kelantan tetapi dari segi strategi pembangunan dan integrasi nasional perlu difikir sesuatu untuk Kelantan secara radikal, bukan mengikut apa sahaja dirancang dalam main corridor dan mini-corridor sehinggakan terbiar Kelantan lewat ke belakang, tidak membangun dan akhir sekali terjejas pembangunan negara dan terjejas perpaduan negara. Marah rakyat Kelantan, di situlah padahnya pada satu hari pula.

Saya rasa masalahnya sama dengan Sabah dan Sarawak. Saya faham dari segi per kapita, selalu yang saya dapat jawapan dari pihak-pihak yang berkenaan, dari segi per kapita memang Kelantan sudah diberi peruntukan yang banyak. It is not the quantities that matters, dengan izin. Persoalannya "how" - duit banyak kalau tidak kena salur, tidak kena rancang, tidak kena buat, tidak jadi juga, berbillion ringgit kita habis pada BMP. Tidak kena rancang itu, tidak kena kawal, tidak kena urus melayang duit itu semua tetapi sesuatu perlu difikir, dirancang untuk Kelantan dengan yang dalam bahasa sekarang, dengan penuh inovasi dan kreativiti dan perancangan supaya sesuatu boleh difikir.

Saya bukan pakar ekonomi. Pakar-pakar ekonomi di Kelantan tidak ada. Yang ada di peringkat kecil, Junior Officers tidak padati untuk berfikir, datang ke sini kalah mereka kepada EPU. Kalau EPU kata itu, itu yang diturut kerana mereka tidak mampu untuk berbahas dengan pakar-pakar, doktor-doktor ini semua. Maka kita perlu daripada ini. Please.... I plead to the Government, please think about Kelantan in more positive and dynamic way, dengan izin, supaya memastikan pembangunan negeri Kelantan sama dengan negeri lain. Tambahan pula negeri Kelantan semua kita sedar terdiri daripada rakyat yang sanggup bekerja keras, rakyat yang sanggup berdikari. Yang kita lihat di Kuala Lumpur rata-rata, malahan di dalam Dewan ini saya tengok daripada pegawai-pegawai ramai muka-muka Kelantan, yang sanggup bekerja untuk rakyat, negara keseluruhannya. Kenapa tidak tolong sedikit Kelantan dalam konteks ini. Lebih-lebih lagi Timbalan Menteri Kewangan yang berpengaruh itu ada bersama dengan kita supaya sampai kepada Menteri Kewangan, fikir dengan cara lain sedikit untuk negeri Kelantan.

Sekian, saya sudahi dengan ucapan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Hajjah Rosnah.

4.19 ptg.

Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang untuk saya menyokong suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhimatan tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat telah menyentuh banyak perkara. Walau bagaimanapun, saya juga akan turut membahas Belanjawan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, B.7 - Jabatan Perdana Menteri. Saya ucapkan tahniah kerana Biro Pengaduan Awam telah dapat menyelesaikan banyak kes pada tahun yang lalu iaitu dari 1,317 kes, 1,144 kes telah selesai. Dengan ini, dapat meningkatkan keberkesanan jentera pentadbiran Kerajaan. Janganlah berlaku untuk menjawab satu surat mengambil masa berbulan-bulan.

Seterusnya saya ingin penjelasan dari Jabatan Perdana Menteri apakah matlamat sebenarnya mewujudkan Dasar Wanita Negara dan apakah hubungkait dengan NACIWID. Bagaimanakah maklumat-maklumat ini akan sampai kepada wanita-wanita di luar bandar?

B.13 - Kementerian Kehakiman

Adakah kes-kes sekarang dijalankan dalam Bahasa Malaysia? Berapa keskah dapat diselesaikan dalam satu-satu bulan? Saya rasa segala perbicaraan tentulah dapat dijalankan dengan baik memandangkan Bahasa Malaysia adalah bahasa negara kita, yang mana rakyatnya mengamalkan bahasa tersebut.

B.17 - Kementerian Belia dan Sukan

Tuan Yang di-Pertua, Kursus Dorongan Perniagaan dan Pertanian telah diperkenalkan di kalangan belia dan modal 330,000 boleh didapati dari Tabung Amanah Belia.

Saya ingin penjelasan dari Kementerian yang berkenaan, adakah program susulan diadakan oleh pihak Kementerian, Negeri dan Daerah supaya meneliti keberkesanan dan kemajuan projek-projek tersebut. Berapa peratuskah kejayaan yang didapati oleh belia dalam bidang perniagaan dan ekonomi? Bagaimana pula dengan beliawanis. negara kita? Adakah mereka berminat untuk mengikuti kursus-kursus solek dan dandan rambut kerana saya amat jarang dapat melihat kedai-kedai solek ini di bandar-bandar, sedangkan menjaga kecantikan adalah satu perkara yang penting untuk beliawanis.

B.20 - Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

Tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menterinya, Dato' Seri Rafidah Aziz, seorang yang gigih dan berdedikasi serta Timbalan-timbalan Menteri dan pegawai-pegawai sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, suatu hari hujan turun, masa saya sedang berjalan berhampiran dengan Pusat Teknologi, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian', jadi saya pun singgah ke Pusat tersebut sambil

berlindung dari hujan sambil melihat dan memerhati akan poster-poster dan bahan-bahan yang dipamerkan, jenis-jenis enjin dan alat-alat semuanya dalam bentuk gambar. Saya fikir di Pusat ini patut juga dipamerkan satu atau dua jenis mesin supaya ianya bukan sahaja menjadi Pusat Teknologi dari segi teori sahaja, bahkan praktiknya juga boleh didapati.

B.21 - Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah diperkatakan. oleh Yang Berhormat sahabat saya sebentar tadi, dan saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri serta pegawai-pegawai yang berjaya mencapai kejayaan dalam usia Kementerian ini yang begitu muda ditubuhkan pada 20hb Mei, 1987. Begitu ramai pelancong telah melawat Malaysia dalam 'Tahun Melawat Malaysia 1990' dan seterusnya akan bertambah dari masa ke semasa.

Tuan. Yang di-Pertua, Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan mestilah memastikan bahawa penerbangan MAS dan lain-lain mestilah tepat masanya, jangan pula dibiarkan bahawa pelancong-pelancong ini terkandas oleh beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan.

Saya telah berpeluang melihat persembahan kebudayaan oleh peserta-peserta di Pusat MASTIC, dan saya sangat kagumi kerana mereka ini terdiri dari orang-orang profesional dan amat berdisiplin. Bangunan MASTIC tergemam indah, jadi peruntukan Kementerian ini amat wajar ditambah lagi memandangkan peranan aktif yang dijalankan.

B.24 - Jabatan Perpustakaan Negara

Tuan Yang di-Pertua, buku-buku bacaan yang terdiri daripada pelbagai jenis mestilah dikemaskini sesuai dengan kempen supaya rakyat negara Ini suka membaca. Kalau kita lihat di mana-mana di negara-negara maju sama ada di lapangan terbang atau di perhentian keretapi, tiap-tiap individu begitu rajin membaca sama ada buku-buku, akhbar atau bahan-bahan bacaan. Jadi contoh yang baik ini patut dijadikan teladan supaya masyarakat kita juga akan rajin membaca kerana membaca itu asas kepada budaya ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Perpustakaan Negara patut selalu mengadakan peraduan-peraduan mengarang cerpen, novel, pantun dan sebagainya supaya memberi peluang kepada penulis-penulis untuk mencipta dan melahirkan berbagai pendapat dan fikiran, dan garis-garis panduan kepada berbagai-bagai perkara seperti panduan-panduan sukan, aktiviti-aktiviti kebudayaan di Malaysia sesuai dengan 'Tahun Melawat Malaysia 1990', kegiatan-kegiatan wanita, anak-anak muda atau golongan belia dan kanak-kanak supaya menambah bahan-bahan bacaan .

B.25 - Kementerian Pertahanan

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi kejayaan dan kebanggaan masyarakat dan rakyat Malaysia bahawa Pasukan Keselamatan kita yang terdiri daripada Angkatan Tentera dan Polis menjaga keselamatan sehingga kita semua dapat tidur dengan nyenyak dan amat ramai pelancong berkunjung untuk berehat kerana negara kita aman dan damai. Pasukan Keselamatan ini amat berdisiplin di negara kita sendiri dan di negara-negara luar dan telah mengharumkan nama

Malaysia. Keluarga-keluarga daripada Pasukan Keselamatan ini terpaksa menanggung pelbagai risiko dalam kehidupan. mereka. Saya berharap bantuan-bantuan yang disampaikan kepada keluarga yang malang, biarlah setimpal dengan nyawa yang terkorban dan kebajikan anak-anak yang masih bersekolah biarlah dibiayai.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini saya lihat pakaian celoreng amat digemari dan dijual di merata-rata. Bagi saya orang-orang awam tidak patut dibiarkan memakai jenis-jenis pakaian yang seumpama ini kerana di sempadan-sempadan negara kita dikhuatiri disalahguna oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Saya ingin tahu kepada Kementerian yang berkenaan apakah yang dibuat kepada uniform-uniform setelah seseorang ahli Angkatan Tentera idu bersara?

B.26b -Kemnterian Pendidikan

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan pegawai-pegawainya di atas kejayaan dan kecekapan Kementerian yang berkenaan dapat menyediakan dan mengeluarkan keputusan Peperiksaan SPM lebih awal, iaitu satu bulan lebih awal daripada tarikh ianya patut dikeluarkan. Ini menunjukkan betapa cekap dan dedikasi pegawai-pegawai yang diamanahkan untuk menjaga hal-ehwal peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, bahasa Inggeris adalah satu matapelajaran yang penting di samping subjek-subjek yang lain. Saya ingin tahu adakah guru-guru bahasa Inggeris mencukupi, kalau tidak apakah langkah-langkah Kementerian Pendidikan bagi mengatasi masalah tersebut?

B.27 — Kementerian Luar Negeri

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa ramaikah rakyat Malaysia yang terdiri daripada penuntut-penuntut setelah mereka tamat pengajian tidak mahu pulang ke tanahair tetapi mahu terus tinggal di negara asing yang ia belajar dahulu. Anak-anak kita yang pergi belajar keluar negara harus dapat panduan dan ada tempat-tempat yang boleh dan senang dihubungi, jadi Pegawai Kebajikan patut ditambah. Anak-anak ini satu hari nanti akan balik ke tanah air dan akan menjadi pemimpin negara, sepatutnya merekalah yang menjadi duta muda ke negara-negara lain.

B.34 - Kementerian Kesihatan

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini juga telah memberi khidmat kepada rakyat Malaysia. Baru-baru ini bila Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi beberapa jawapan mengenai dengan penyakit-penyakit kanser yang termasuk kanser buah dada dan kanser pangkal rahim, Yang Berhormat mengatakan bahawa wanita-wanita boleh mengesannya sendiri. Saya ingin tahu, adakah Kementerian memberi apa-apa jenis kempen atau tunjuk-ajar atau apa-apa jenis pendidikan kepada golongan wanita atau Persatuan Wanita yang begitu ramai di negara ini .

Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan bahawa tidak raraai kaum wanita yang menjadi Doktor Pakar Sakitpuan, sepatutnya wanita lebih suka diperiksa oleh doktor wanita sendiri.

Saya juga ingin tahu apakah sebab-sebab kaum wanita tidak ramai menjadi Doktor Pakar Sakit Puan. Adakah kerana tidak mendapat peluang melanjutkan pelajaran atau apa-apa alasan peribadi, harap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan dapat memberi penjelasan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin tahu berapa peratuskah hospital-hospital yang mempunyai bangunan surau untuk membuat ibadat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya yang ringkas ini, saya suka mengambil peluang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis, Yang Berhormat Datuk Seri Rafidah Aziz, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah kerana telah memberi peluang dan melantik saya sebagai seorang Senator bagi Penggal Kedua. Insya Allah, saya akan terus berkhidmat dan saya sertakan dua rangkap pantun;

Dipotong-potong buah papaya,

Lalu dibersih dicucuk lidi,

Tuan sudi melantik saya,

Terima kasih daun keladi.

Memuji Allah sambil berzanji,

Berguru dari Surabaya,

Insya Allah, saya berjanji.

Akan berkhidmat sedaya-upaya

Dengan ini saya menyokong Akta Perbekalan Tambahan 1989/1990.
Terima kasih .

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria.

4.32 ptg.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang, suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan membincangkan Rang Undang-undang ini secara terus kerana seperti yang kita sedia maklum, perbelanjaan yang perlu kita luluskan ini sudahpun dibelanjakan dan oleh kerana itu apa yang akan saya lakukan ialah seperti juga dengan rakan-rakan Yang Berhormat di Dewan ini membuat beberapa sentuhan daripada sama ada Jabatan-jabatan ataupun Kementerian-kementerian yang menerima peruntukan ini. Harapan saya semoga dengan sentuhan-sentuhan yang dibuat ini, jika ianya berhasil akan mendatangkan sesuatu reaksi yang positif.

Pertamanya, saya ingin menyentuh B.1 iaitu Parlimen dan bagi permulaannya izinkan saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada rakan kita, Yang Berhormat Tuan Haji Shuaib bin Lazim yang ada bersama-sama kita pada petang ini kerana kejayaan beliau di dalam Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Kedah, Pantai Merdeka. Saya berasa amat berbangga bukan sahaja kerana beliau merupakan calon daripada Barisan Nasional, iaitu parti yang memrajukan Kerajaan kita pada ketika ini, tetapi kebanggaan saya itu ditambah lagi dengan hakikat bahawa beliau

adalah salah seorang Ahli Dewan Negara yang sama-sama seperti saya juga. Kejayaan Yang Berhormat Saudara Shuib Lazim ini mempunyai significant ataupun kepentingan yang amat sangat dari segi perjalanan sistem politik kita di negara **ini**, iaitu walau bagaimanapun tirabulnya masalah-masalah, kecaman-kecaman dan cabaran-cabaran yang dilemparkan terhadap Kerajaan Barisan Nasional, namun dengan kemenangan Yang Berhormat ini membuktikan sekali lagi walaupun telah beberapa kali dibuktikan bahawa rakyat Malaysia masih tetap di belakang parti Barisan Nasional dan mudah-mudahan dengan ini juga akan menunjukkan betapa pentingnya Tradisi Membela Rakyat yang menjadi teras pemerintahan akan terus mendapat keyakinan daripada rakyat di negara kita ini. Syabas saya ucapkan! **[Tepuk]**.

Perkara yang kedua mengenai Parlimen ini tidak lagi dalam soal-soal pilihanraya dan sebagainya, tetapi berpijak kepada perkara yang lebih nyata, yang lebih dapat kita katakan berpijak kepada bumi, iaitu mengenai Bangunan Parlimen ini sendiri. Rakan-rakan yang telah menyentuh perkara Parlimen ini di Dewan yang mulia ini seringkali telah memuji tentang ubahsuai yang dilakukan kepada bangunan ini merasakan kekaguman mereka tentang keindahan kepada bangunan ini setelah diubahsuai dan begitu jaga dengan kawasan-kawasan di sekelilingnya.

Saya juga turut merasakan bangga kerana menjadi seorang Ahli Parlimen di bangunan yang sebegini indah. Namun begitu, ada satu perkara yang kadangkala membingungkan saya dan saya mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan sedikit penjelasan dari sama ada pihak Jabatan Parlimen ini sendiri ataupun pihak-pihak yang berkaitan dengannya. Kebingungan dan mungkin juga kekeliruan dan

tanda tanya yang timbul pada diri saya ialah mengenai Tower Block yang ada di Parlimen ini sendiri. Kalau tidak silap semalam Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin menyatakan tentang kegerunannya setelah melihat gambar lukisan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu bukan tentang orangnya, tetapi bagaimana ianya digambarkan dan betapa gerunnya Yang Berhormat rakan saya itu terhadap latar belakang lukisan tersebut. Maka kegerunan saya timbul pula dari segi memikirkan apa akan jadi dengan Tower Block Parlimen ini sendiri.

Saya sedia maklum setiap daripada Ahli Dewan, sama ada Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara ini diperuntukkan bilik-bilik tertentu di dalara bangunan ini. Saya tidak tahulah dengan rakan-rakan Yang Berhormat yang Lain, tetapi saya sendiri sejak diberikan nombor bilik ini hanya sekali sahaja pernah pergi ke bilik tersebut, itu pon merasa cukup gerun kerana tidak ada seorang pun penghuni di bangunan ini.

Jadi kebingungan saya kekeliruan dan tandatanya yang timbul pada diri saya ialah apa akan jadi dengan bangunan yang sebegini cantik, yang tersergam indah, tetapi ianya tidak mempunyai kegunaan yang betul-betul berkesan ataupun secara praktiknya. Saya membangkitkan perkara ini melihatkan bahawa kalau kita membincangkan dari segi perbelanjaan dan peruntukan, saya kira perbelanjaan dari segi mengubahsuai, dari segi penyelenggaraan bangunan tersebut, sudah semestinya menggunakan sebahagian besar daripada peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Parlimen sendiri dan sebagai satu aset, saya merasakan ia merupakan sesuatu yang amat berguna dan amat berharga dengan kedudukannya dan juga dengan penghormatan yang diberikan sebagai melambangkan Parlimen di negara ini. Jika kita menggambarkan Parlimen Malaysia ompamanya Tower Block inilah yang ternampak kepada pemandangan kita, tetapi sekali lagi sayang seribu kali sayang penggunaannya begitu kecil sekali hingga menyebabkan nilainya berkurangan, dan akhir-akhirnya saya agak khuatir yang menjadi penghuni bangunan ini nanti mungkin mereka yang tidak nampak pada pandangan mata umum kita sendiri.

Oleh kerana itu, saya mengharapkan ada sesuatu jawapan dan penjelasan yang dapat diberikan. tentang kedudukan Tower Block Bangunan Parlimen ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh ialah B.17 - Kementerian Belia dan Sukan. -Entah macam mana, mungkin ada ko-ordinasi atau bagaimana, saya pun tidak faham, acap kali kebanyakan daripada Kementerian-kementerian yang ada di negara kita ini, apabila dia mempunyai dua nama atau portfolio, seperti contoh yang amat jelas pada diri saya, daripada pengertian saya, iaitu Kementerian Belia dan Sukan - satu contoh. Yang kedua, B.21 - Kementerian Kebudayaan dan Pelancong. Entah macam mana dari segi keutamaan, atau prioritynya, kita dapati penekanannya agak mirip kepada satu bahagian daripada dua nama ini. Kalau Kementerian Belia dan Sukan yang sering kelihatan kepada kita, yang publisitinya begitu meluas dari segi tumpuan dan penekanan kegiatan dan progaranya, kelihatan lebih kepada sukan dari belia, walaupun perbelanjaan-perbelanjaan banyak diperuntukkan dan dikeluarkan untuk Kementerian itu secara keseluruhannya. Begitu juga nanti akan saya sentuh dengan B,21 - Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, yang pada pengertian saya penekanan dan tumpuannya dari segi publisiti dan kegiatan program dan sebagainya, dari segi pengenalannya kepada masyarakat umum di negara ini lebih kepada pelancongan daripada kebudayaan itu sendiri.

Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, mari kita lihat B.17 di Rang Undang-undang ini, iaitu Kementerian Belia dan Sukan. Saya rasa bangga dari segi peruntukkan yang tnahu kita luluskan terhadap

Rang Undang-undang ini dimana wang sebanyak 3900,000 adalah di kehendaki di bawah Maksud B.17 - Kementerian Belia dan Sukan untuk aktiviti-aktiviti di bawah Program Belia yang bertujuan melatih para belia negara dalam bidang-bidang kepimpinan, ekonomi dan sosial, syabas. Ini saya rasa perlu mendapat sokongan yang sekuat mungkin daripada kita semua. Apa yang menimbulkan sedikit kurang faham pada saya ialah takrif belia, sebagaimana yang diterima atau diberikan oleh Kementerian Belia dan Sukan,

Saya tahu jawapan yang akan diberikan kepada saya nanti oleh Kementerian Belia dan Sukan ialah belia bermaksud belia lelaki, belia wanita - semua itu belia. Tetapi entah macara mana, seperti yang telah dinyatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Puan Rosnah tadi, penekanan pengertian ataupun takrif belia yang sering kita terima ialah seolah-olah belia itu lelaki seksnya dan mungkin jawapan yang diberikan ialah belia-belia wanita itu memang kami takrif sebagai belia juga yang merangkumi bidang tugas Kementerian Belia dan Sukan ini, kecuali, katanya, oleh kerana sudah ada HAWA, sudah ada Jabatan yang dikhususkan mengenai Hal Ehwal Wanita, maka kami tolak sahajalah belia wanita ini di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini pun saya kurang jelas, benar atau tidak.

Walau bagaimanapun, saya merasakan kepentingan kita raemberikan lebih perhatian kepada belia dalam program-program Kementerian Belia dan Sukan ini harus kita lakukan dengan serius sekali memandangkan pentingnya belia-belia ini sebagai jenerasi yang akan mewarisi negara ini setelah kita berlalu nanti. Jadi, sehubungan dengan ini, saya mengharapkan sangat bila kita membuat apa juga program yang

bersangkut-paut dengan belia, maka biarlah belia itu dimaksudkan belia lelaki dan juga belia wanitanya, dan sehubungan dengan ini, saya ingin menarik perhatian mengenai kumpulan ataupun kategori umur yang dikatakan belia ini. Kalau saya tidak silap di antara umur 12 hingga 40 tahun adalah ditakrif sebagai belia. Mungkin saya silap, kalau silap, tolong perbetulkan. 12 hingga 40 tahun itu merupakan jangka umur yang agak panjang. 12 tahun baharu terima kad pengenalan, hingga 40 tahun yang kadangkalanya sudah boleh menjadi seorang nenek - kalau dia kahwin umumnya 20 tahun, boleh dia jadi nenek, kalau anaknya juga kahwin dalam umum 18 atau 19 tahun dan kalau anaknya perempuan, ini mungkin berlaku dengan senangnya.

Jadi, oleh kerana itu, bila kita melakukan apa-apa program atau perancangan kepada belia, bagaimana kita memisahkan daripada kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan yang khusus bagi belia-belia yang mempunyai peringkat umur yang berbeda-beda ini. Adakah kalau kita katakan seperti yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang ini, iaitu bertujuan melatih para belia negara dalam bidang-bidang kepimpinan, ekonomi dan sosial utnpanya, adakah mereka yang dilatih ini belia dalam erti kata umurnya asalkan dia berumur antara 12 hingga 40 tahun, maka semuanya dilatih. Walaupun keperluan, kepentingan dan perkara-perkara khusus yang diperlukan oleh orang ataupun belia yang berumur 12 tahun ini berbeda dengan mereka yang berumur 40 tahun. Ini saya rasa perlu kita jelaskan.

Sehubungan dengan ini juga, saya rasa perlu juga saya menarik perhatian tentang soal latihan dari segi yang dikatakan kepimpinan, ekonomi dan sosial ini. Perkataan-perkataan kepimpinan, ekonomi dan

sosial ini terlalu umum maknanya. Jadi, kita tidak tahu aspek-aspek kepemimpinan bagaimanakah yang hendak kita latih kepada belia-belia **ini**, ekonorai bagaimanakah yang kita katakan mahu dilatih kepada mereka **ini**, di dalam bidang sosial manakah pula mereka ini akan dilatih. Jadi, ini soalan-soalan yang amat umum, yang kadangkala tidak ada penerangan pengkhususan daripada Kementerian di dalam perancangannya.

Saya membangkitkan perkara-perkara ini. kerana timbulnya perasaan bimbang pada diri saya sendiri, bukan sahaja sebagai seorang Senator, itu sudah nombor dua, tetapi lebih-lebih lagi diri saya sebagai seorang ibu yang mempunyai anak-anak yang belia, yang memang masuk di dalam kategori belia ini sendiri. Kita tidak henti-henti mendengar di masa-masa yang kebelakangan ini tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh negara, kerana kemungkinan berlakunya perkara-perkara yang tidak kita ingini di kalangan belia-belia kita sendiri termasuk anak-anak saya juga, bagaimana mereka ini boleh terdedah kepada anasir-anasir yang akan memusnahkan diri mereka dan seterusnya memusnahkan pula negara kita ini tnelalui ancaman-ancaman yang kadangkala bedanya antara khutub selatan dengan khutub utara. Di satu pihak kita risau dengan keadaan yang berlaku di kalangan anak-anak kita disebabkan oleh pengaruh-pengaruh agama yang songsang yang berbagaibagai rupa, yang menyebabkan anak-anak kita ini mungkin menerima satu macam pendedahan yang menyebabkan mereka ini menolak langsung dunia ini dan di satu pihak yang ekstrim pula, kita risau dan bimbang dengan ancaman-ancaman dadah dan soal-soal materialistik yang timbul yang menyebabkan sekali lagi anak-anak kita terdedah kepada kemungkinan pemusnahan diri mereka dan pemusnahan bangsa Malaysia di masa yang akan datang.

Dan seringkali saya merasakan yang paling terdedah dengan ini semua bukannya belia 40 tahun itu sahaja tetapi yang lebih saya rasa ialah kepada belia-belia belasan tahun. Kita tahu kita mempunyai institusi sekolah umpamanya yang boleh menjaga belia-belia ini tetapi saya merasakan itu tidak memadai. Perlu ada sokongan dan juga penambahan-penambahan dari segi perancangan dan sebagainya selain daripada sekolah-sekolah ini bagi menentukan arah yang perlu ditujui, yang hendak kita bimbing anak-anak belia kita yang di dalam belasan tahun ini.

Saya rasa yang paling terdedah dan paling banyak menerima risiko-risiko daripada cabaran-cabaran masa sekarang ini, ialah anak-anak dalam belasan tahun ini yang tidak boleh dikatakan kanak-kanak dan tidak pula boleh kita menganggap mereka itu sebagai orang dewasa. Jadi, dalam keadaan terumbang-ambing di antara dunia kanak-kanak dengan dunia dewasa inilah mereka paling cerdedah dengan perkara-perkara yang tidak kita ingini.

Jadi, oleh kerana itu, saya berharap sangat kepada Kementerian Belia dan Sukan, Bahagian Belianya, supaya memberikan perhatian yang lebih kepada program-program dan perancangan-perancangan yang khusus ditujukan kepada kanak-kanak, hendak dikatakan kanak-kanak pun tidak tetapi belia belasan tahun ini, dan bila kita mengatakan belia belasan tahun ini, saya maksudkan bukan belia lelaki sahaja, yang terpenting lagi ialah belia wanita yang kadang-

kala menjadi raangsa yang lebih teruk soal-soal rogol, soal-soal keruntuhan nilai, soal-soal macam-macam perkara yang merupakan penyakit masyarakat selalunya mangsanya ialah belia wanita belasan tahun ini.

Saya masih lagi ingin mengatakan sesuatu bagi B.17, iaitu Kementerian Belia dan Sukan ini. Kali ini aspek sukan pula. Syabas, tahniah saya ucapkan kepada Kementerian ini kerana melalui sukan juga kita telah dapat meningkatkan imej kita dan pengenalan Malaysia ke negara-negara luar. Dan sewajarnya kita memberikan tahniah yang tinggi atas usaha-usaha kesukanan yang diadakan di negara ini yang saya rasa juga merupakan satu pilihan lain bagi anak-anak muda kita, belia-belia kita daripada kegiatan-kegiatan yang tidak memberikan apa-apa manfaat. Lebih dipertingkatkan kegiatan sukan ini lebih banyak pilihan-pilihan untuk mereka dalam soal-soal riadah dan berehat dan cara-cara lain menghabiskan masa umpamanya.

Jadi, saya tidak banyak menyentuh aspek sukan ini, kecuali satu aspek sahaja iaitu selain daripada yang segar-segar bugar ini, yang cukup kakitangan kita, penglihatan kita, aspek-aspek fizikal kita yang baik, dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kementerian ini dalam bidang kesukanan, apakah gamaknya yang dapat kita sediakan dan apa pula perancangan yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan ini mengenai rakan-rakan kita yang kurang bernasib baik - maksud saya ialah mereka-mereka yang cacat. Orang-orang cacat juga dapat menghiburkan dirinya, dapat sama-sama merasakan diri mereka itu terlibat sama dengan proses kesukanan dan sebagainya di negara ini jika ada program-program yang tertentu yang

dikhususkan bagi orang-orang cacat ini.

Saya merasakan kita di Malaysia ini janganlah ketinggalan. Kalau di negara-negara lain di dunia ini banyak sekali penekanan yang diberikan kepada sukan-sukan ataupun kegiatan-kegiatan dan kemudahan-kemudahan kesukanan bagi mereka-mereka yang cacat, maka di Malaysia pula saya rasakan perkara ini harus juga diberi tumpuan oleh Kementerian ini. Saya merasakan ini tidak akan keterlaluan kerana kalau kita masih ingat, tidak berapa lama dahulu, selepas diadakan pertandingan Olimpik di Seoul maka ia disusuli pula dengan Pra-Olimpik di kalangan orang-orang cacat ini dan Malaysia tidak ketinggalan menyertainya, Maka walaupun kita memberikan ransangan dan memberikan galakan dari segi wang ringgit yang berjuta-juta jumlahnya kepada sukan-sukan kita, kepada ahli-ahli sukan kita yang lain, mengapa tidak kita juga memberikan ransangan, sokongan dan bantuan kepada ahli-ahli sukan kita yang cacat yang juga boleh memainkan peranan untuk memperkenalkan negara ini dari segi bidang sukan ke dunia luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara yang ketiga iaitu B.21 - Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Saya rasa rata-rata daripada rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini telahpun memberikan setinggi-tinggi tahniah dan sanjungan mereka terhadap apa yang telah dapat dicapai oleh Kementerian ini dalam bidang pelancongan. Tetapi jarang-jarang daripada kita yang saya dengar memberi apa-apa tahniah dan kepujian tentang apa yang dilakukan oleh Kementerian ini dalam bidang kebudayaan. Bukannya Kementerian ini tidak mempunyai program dan perancangan yang

tertentu dalam bidang kebudayaan ini ada. Kita pernah mendengar jawapan-jawapan yang diberikan oleh Kementerian ini dalam soalan-soalan yang berkaitan dengan program-program kebudayaan yang dilakukan. Malangnya ini tidak cukup. Malangnya, walaupun ada rancangan-rancangan dan program-program kebudayaan yang dilakukan oleh Kementerian **ini**, entah macam mana dia tertindas atau terlindung dengan kegiatan-kegiatan promosi pelancongan yang dibuat. Dalam peruntukan yang akan kita luluskan **ini**, \$42 juta diperuntukkan khusus hanya untuk promosi pelancongan sahaja. Dan saya hairan berapa banyak pulalah garaaknya dari segi peruntukan yang telah diluluskan bagi Kementerian ini yang dikhaskan untuk soal-soal mempertingkatkan kebudayaan.

Kalau kita menjalankan usaha-usaha promosi dari segi pelancongan, perlu juga ada promosi dari segi memperkenalkan kebudayaan kita bukan kepada orang luar tetapi orang dalam negara kita sendiri pun banyak yang tidak tahu tentang seni-seni kebudayaan kita yang **ada**. Ada dua aspek kebudayaan yang harus kita faham, Satu, apa yang dikatakan sebagai kebudayaan tinggi, high culture. dan satu lagi yang biasa kita sebagai rakyat jelata amati atau ikuti. Jadi, aspek-aspek meraperkembangkan kesenian-kesenian halus umpamanya, warisan-warisan heritage dari segi tinggalan-tinggalan sejarah umpamanya kurang. Kita hanya memperkenalkan aspek-aspek ini jika ianya berkaitan dengan pelancongan. Kalau ia tidak berkaitan dengan pelancongan, dia hilang begitu sahaja. Jadi, saya merasakan sudah tiba masanya juga kalau kita telah menaikkan imej kita sebagai satu

negara yang berdaulat, maka samakan kedaulatan kita itu dengan kebudayaan high culture kita, dengan izin, yang betul-betul mantap dan dapat dinikmati ataupun dihayati oleh setiap daripada kita. Dan pada aspek inilah saya mengharapkan tumpukanlah sedikit perhatian bagi Kementerian ini kepada aspek-aspek kebudayaan kita pula.

Kita pernah mengatakan kita mahu menjadikan satu evolusi kebudayaan kebangsaan. Apa telah terjadi dengan perkara ini sekarang? Kita merapunyai, kalau saya tidak silap, Majlis Penasihat Kebudayaan, apa telah jadi dengan Majlis ini sekarang? Apa yang telah dilakukan, kita jarang-jarang mendengar usaha-usaha yang dilakukan. Pelancongan - ya, seluruh dunia kita lawat sekarang ini, siapa pun, semua orang telah kenal Malaysia, di London kita nampak Visit Malaysia, di New Delhi kita nampak Visit Malaysia, ke Negeri Jepun kita dapat Visit Malaysia dan sebagainya, orang telah kenal Malaysia ini. Tetapi aspek kebudayaan, unique yang kita katakan, aspek yang dikatakan memupuk, membangunkan evolusi, aspek-aspek kebudayaan Malaysia itu tidak nampak kepada kita. Maka janganlah hairan kalau ada di kalangan kita yang mempunyai perasaan belah-bahagi dengan kejayaan-kejayaan yang kita capai dalam pelancongan itu sendiri. Apa hendak jadi dengan pelancongan, commercialise - betul, tetapi janganlah dengan aspek raengenepikan sama sekali identiti kita dari segi kebudayaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, satu perkara sahaja yang ingin kita mengambil perhatian iaitu B.24 - Jabatan Perpustakaan Negara. Dua, tiga orang daripada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat di Dewan ini memang telah menyentuh aspek Perpustakaan Negara ini dalam kaitannya dengan betapa kurangnya bahan-bahan bacaan yang terdapat di masyarakat kita pada ketika ini. Kalau kita lihat dari segi peruntukan yang diberikan ini, kita dapati \$72,000 lebih telah diperuntukkan bagi membeli, membekalkan Universiti Ohio, kalau saya tidak silap, dengan bahan-bahan bacaan mengenai Malaysia untuk Perpustakaan di universiti tersebut, dan sebahagian daripada peruntukan ini ialah juga untuk membiayai pembelian komputer dan sebagainya.

Saya rasa ini baik. Baik kerana kita juga dapat memperkenalkan bahan-bahan bacaan koleksi Malaysia ini di Luar negeri, tambahan pula Universiti Ohio itu seperti kita sedia maklum merupakan pusat pengajian Malaysia ada ditubuhkan di sana. Tetapi janganlah hendaknya nanti kerana kita membiayai pembelian koleksi Malaysia ini untuk kita sediakan, untuk kita berikan kepada Universiti Ohio ini, saya mengharapkan tidak menjadi apa yang dikatakan sebagai kera di hutan disusui, anak sendiri mati kelaparan. Maksudnya dan saya merasakan ini tidak akan berlaku, cumanya saya hanya ingin memperingatkan sahaja kerana kita dapati sememang-memangnya kurang sangat-sangat bahan bacaan bagi masyarakat kita di Malaysia ini dan sepertiraana yang dinyatakan" dengan begitu petah sekali oleh sahabat saya, Yang Berhormat Tuan Hassan Harun semalam, iaitu oleh kerana tak adanya bahan-bahan bacaan yang mencukupi dan sesuai, maka kebanyakan daripada kita, tambah-tambah yang belia itu membaca bahan-bahan yang sama sekali kita rasakan bukan tidak boleh baca, tetapi kadangkala boleh membentuk sistem pemikiran atau cara mereka ini berfikir akhir-akhirnya.

Saya merasakan ini ialah kita seringkali tidak begitu bersedia membuat pelaburan yang tinggi dalam perkara yang hanya dapat kita lihat hasilnya dalam jangka masa panjang. Kita mahu belanja banyak-banyak dari segi pelancongannya kerana dalam masa setahun kita sudah lihat hasilnya dari segi kemasukan orangnya begitu ramai, peningkatan daripada pendapatan pelancongan dan sebagainya. Tetapi kalau kita leburkan wang yang lebih kepada soal-soal membuat, menyediakan, menggalakkan pengeluaran bahan bacaan yang bermutu,

yang banyak umpamanya, kita tidak akan melihat kesannya hingga mungkin satu generasi yang akan datang, dan oleh kerana kita tak dapat melihat kesannya dalam jangka masa yang pendek, seringkali usaha-usaha memperbanyakkan perkara-perkara seperti bahan bacaan ini jarang-jarang yang mahu memikirkannya secara serius.

Saya berkata demikian kerana umpamanya, sudahlah kurang bahan-bahan bacaan, kemudian kita ini kononnya hendak melahirkan satu bangsa yang rajin membaca dan sebagainya maka kita adakan berbagai-bagai kempen, seperti Kempen Rajin Membaca, Kempen Membaca dengan lagu themanya diadakan pertandingan untuk Lagu Rajin Membaca ini dan sebagainya dan setelah kita berkempen ini semua tidak pula kita beri sokongan dari segi penyediaan bahan-bahan bacaan yang boleh mereka baca. Satu, dari segi bahan bacaan itu sendiri. Kedua, dari segi kemudahan (facility) untuk mendapatkan bahan bacaan ini. Kita tahu rata-rata rakyat kita terutamanya yang di luar bandar mungkin tidak mempunyai kemampuan untuk membeli suratkhbar dan bahan-bahan bacaan yang lain. Jadi tidakkah ada satu-satu usaha untuk memastikan sekurang-kurangnya ada bahan-bahan bacaan walaupun ia merupakan akhbar harian yang sampai kepada kampung-kampung dan bahagian-bahagian pendalaman di negara kita ini.

Sehubungan dengan ini saya ingin juga meminta sedikit penjelasan apa jadi dengan program perpustakaan bergerak, adakah dia masih bergerak lagi, adakah dia bergerak pada tingkat yang lama juga, berapa unit-unit perpustakaan bergerak ini yang masih menjalankan tugas-tugasnya dan apa kesannya dari segi peningkatan menggalakkan masyarakat membaca yang telah berlaku.

Saya juga ingin mencadangkan sesuatu yang saya rasa dapat kita lakukan. Satu masa dahulu hebat dikeluarkan gambar, berita dan

sebagainya di dalam suratkhobar-suratkhobar tempatan tentang kemurahan hati Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli Parlimen dan sebagainya memberikan derma ataupun sumbangan suratkhobar kepada sekolah-sekolah; orang ini ambil sekolah ini, beri; orang ini ambil sekolah ini, beri dan sebagainya. Jadi kerana sistem ini sudah memang ada, saya ingin mencadangkan apa kata dari segi peruntukan yang diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat kita, Dewan Negara kita tidak ada peruntukan, tetapi Dewan Rakyat kita dan juga Dewan-dewan Undangan Negeri termasuklah Ahli Dewan Undangan yang baru ini apa kata daripada peruntukan yang diberikan ini, diberikan sedikit peruntukan untuk sekurang-kurangnya membeli suratkhobar harian yang diletakkan kepada kampung-kampung, walaupun sayangnya balairaya kita ini tidak berfungsi sebagai yang sepatutnya. Sepatutnya balairaya itu mungkin juga menjadi satu pusat sumber kepada kampung-kampung, tetapi malangnya kadangkala kalau Bangunan Parlimen kita penghuninya kita tidak nampak, tetapi balairaya-balairaya di kampung kadang-kadang penghuninya kambing-kambing, ayam dan sebagainya.

Kalaulah dipertingkatkan fungsi balairaya-balairaya yang ada di kampung-kampung ini diperlengkapkan dengan, baik, dengan kemudahan-kemudahan dan mintalah ADUN-ADUN ataupun Ahli-ahli Dewan Rakyat atau Wakil-wakil Rakyat menyediakan tiap-tiap hari ada suratkhobar datang, jadi orang kampung pun tidak payah beli kerana dia beli pun kadang-kadang dia hendak buat apa, ada suratkhobar-suratkhobar ini sekurang-kurangnya.

Sehubungan dengan ini juga, saya rasakan mungkin sesuatu dapat kita lakukan dari segi mempertingkatkan dan memperbanyakkan penggunaan bangunan-bangunan dan perpustakaan sekolah, kalau boleh. Kalau kita tidak mampu, tidak ada peruntukan untuk mendirikan

perpustakaan khas bagi kampung-kampung ataupun bandar-bandar kecil, kalau kita tidak ada peruntukan untuk menyediakan perpustakaan bergerak umpamanya, apa kata kalau kita ubahsuaikan perpustakaan-perpustakaan yang ada di sekolah-sekolah, kerjasama di antara Jabatan Perpustakaan Negara dengan Sekolah dan Kementerian Pendidikan supaya dibenarkan bahan-bahan bacaan yang lebih diletakkan atau di rumahkan di perpustakaan-perpustakaan sekolah ini, tetapi dibuka hanya bahagian itu sahajalah, dibuka sebagai perpustakaan umum (public library) pula untuk orang-orang kampung ataupun untuk orang-orang yang menjadi penghuni di bandar-bandar kecil, pekan-pekan kecil ini. Dengan itu, saya rasa fungsi sekolah itu melebihi, bahkan dapat diperbanyakkan daripada hanya sekadar tumpuan kepada bidang-bidang pendidikan sahaja.

Jadi, dengan sentuhan-sentuhan ini yang saya kira merupakan pemerhatian yang dapat saya lakukan secara ringkas, Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong.
5.09 ptg.

Tuan Lau Keng Sioog: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih oleh kerana beri peluang kepada saya untuk bersama-sama membahas Rang Undang-undang satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Menyentuh B.26 Kementerian Pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah capai kemerdekaan 32 tahun yang sudah. Dalam masa ini Kerajaan kita telah bina banyak sekolah, sekolah rendah sekolah menengah dan universiti-universiti.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, penuntut-penuntut kita pun ada pergi ke luar negeri untuk belajar. Jadi, pada hari ini, saya fikir orang kita sudah pandai. Ada yang sudah jadi doktor, engineer dan sebagainya. Tetapi sampai hari ini nampaknya orang kita sendiri tidak mahu ke kerja dengan Kerajaan kita. Apa sebabnya, kita tidak tahu. Selalu soal ini timbul di Dewan yang mulia ini.

Di sekolah-sekolah pada hari ini timbul banyak masalah, terutama sekali di sekolah menengah. Pada masa ini ada kebanyakan murid-murid yang menghisap dadah, menghisap rokok. Tetapi apabila kita soalkannya di Dewan ini, Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen menjawab "Kita akan ambil tindakan." Tiap-tiap tahun jumlah yang hisap dadah tetap begitu juga dan tidak ubah. Saya harap Kementerian Pendidikan ambil langkah-langkah atau tindakan yang tegas untuk menghapuskan masalah ini. Kalau Kerajaan hendak ambil tindakan yang tegas, saya fikir apa perkara pun boleh tercapai, tidak boleh dikatakan tidak. Saya harap Menteri sendiri selalu buat lawatan atau surprise checks, dengan izin, ke sekolah-sekolah dan jangan beritahu dahulu kepada Guru Besar. Apabila beritahu kepada Guru Besar, mereka sudah sedia dan memberi sambutan yang meriah - jadi semua sudah siap, semua baik. Tetapi saya cakap ini benar, di kalangan sebahagian murid dalam sekolah pun ada kongsi gelap, kutip wang pun juga. Kasihan murid-murid lain yang baik. Jadi, bila kita sampaikan perkara ini kepada peringkat yang tinggi, mereka kata "kita akan siasat." Tetapi tiap-tiap tahun siasat, tiap-tiap tahun siasat, masalah hisap dadah masih ada lagi. Kalau di tiap-tiap sekolah - sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah - dan di universiti pun, tiap-tiap Guru-guru Besar dan tiap-tiap guru ada ambil berat atas perkara ini, saya fikir perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Jadi, saya harap Kementerian Pendidikan, terutama sekali Menteri Pendidikan sendiri ambil berat ini dan selalu buat surpris checks, dengan izin. Kalau sesiapa pun Guru Besar yang tidak patuh kepada undang-undang, terus buang kerja. Kita ada banyak orang pandai-pandai yang tidak ada kerja, pengangguran sampai hari ini tidak boleh selesai, jangan segan-segan untuk kepentingan murid kita yang akan jadi menteri kita, pemimpin kita pada masa akan datang. Kalau dia sudah ambil jalan yang salah, hendak ubah sangat susah. Masa sekarang ada murid-murid hisap rokok, ada orang yang cuba taruh sedikit sahaja dadah dalam rokok itu, dia hisap. Bila sudah biasa, amatlah susah hendak ubah. Sekali hisap, dua kali sudah kena. Perkara ini benar, bukan tidak ada. Kerajaan kita ada utukkan banyak wang terutama sekali kepada Kementerian Pendidikan. Kalau kita tidak kawal betul-betul, pelajaran kita akan merosok, dan murid-murid akan menirapa kesusahan pada masa akan datang. Jadi, perkara ini senang sahaja. Di Kementerian kita ada ramai pegawai. Kalau Menteri sendiri tidak ada masa, kakitangan mereka telah diperintahkan membuat spot-checks tanpa diberitahu kepada sekolah. Kalau tiap-tiap kali ada spot check, tiap-tiap bulan, saya fikir nanti tiap-tiap buah sekolah akan berwaspada dan mesti berjaga-jaga sebab bila orang ini hendak datang, dia tidak tahu. Itu sahaja saya harapkan,

Menyentuh B.34, Tuan Yang di-Pertaa, Kementerian Kesihatan, ini satu Kementerian yang sangat mustahak. Apabila selalu kita soalkan di Dewan yang mulia ini mengenai doktor-doktor pakar yang tidak mencukupi, tetapi selalu dijawab ada, tidak lama lagi kita adakan doktor dari negara-negara asing. Tetapi buat masa" sekarang doktor-doktor pakar asing yang datang ke Malaysia ini, saya nampak, kebanyakannya ialah daripada Burma. Bila mereka bertugas di

peruntukan ini ialah juga untuk raembiayai pembelian komputer dan sebagainya.

hospital kita, mereka tidak tahu cakap bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia. Jadi, apabila berhubung dengan pesakit-pesakit, macam seekor ayam, seekor itek, mana hendak cakap. Jadi, macam mana si pesakit hendak bercakap dengan doktor, sebab doktor pon tidak faham. Saya sendiri sudah mengalami **ini**. Jadi, Kementerian Kesihatan mesti timbang ini sehalus-halusnya. Sebelum mereka pergi ke hospital berkhidmat, mereka mesti diberi satu latihan selama tiga, empat bulan sekurang-kurangnya supaya mereka boleh cakap Bahasa Malaysia - seperti "Awak sudah makan?" "Awak tidur". "Ada makan ubat?" - ini sudah cukup. Jadi, mereka faham - tidak **ada**. Jadi, saya beri sata contoh. Baru-baru ini satu kes berlaku di sebuah spital, saya tidak mahu sebut nama. Ini satu kes accident. Jadi, di sini ada batu lubang. Di sini pecah. Bila diX-ray di hospital dikatakan tidak ada pecah. Jadi, terpaksa ibubapa bawa budak ini pergi ke Melaka pakar X-ray, memang **ada**. Jadi, saya sendiri bawa murid **ini**. Seorang pakar Burma datang sangat-sangat takut, mukanya pucat. Selepas itu budak itu dimasukkan ke hospital dan sampai hari ini dia belum keluar lagi kerana masih terbalut simen. Tengok apa macam kedudukan doktor pakar ini. Ibu bapa hendak sue doktor itu di mahkamah tetapi saya sudah tahan. Mereka dengara apa saya cakap. Perkara ini benar tetapi tertutup dan tidak keluar berita **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir rawatan orang sakit ini adalah mustahak. Kalau badan warganegara kita tidak sihat, negara kita tidak raaju. Kebanyakan orang iniskin yang tmasuk ke hospital sangat takut oleh kerana mereka kkuatir, "Entah, kami masuk hospital, boleh jadi baik atau tidak!" Ini ialah oleh kerana doktor tidak cukup, terutama sekali doktor pakar. Apabila satu orang mengidap sakit jantung, dan susah hati kerana di sebuah hospital daerah cuma ada satu doktor pakar sakit jantung. Umpamanya seorang pakar kena kawal hospital Batu Pahat, Segamat serta lain-lain tempat. Mana seorang manusia boleh kerja 24 jam? Kadang-kadang bila dia periksa orang sakit dia boleh salah cucuk. [Ketawa] Ini ada berlaku. Oleh kerana dia seorang manusia sahaja dan dia kepa jagaan bukan satu tempat tetapi dua tiga tempat. Perkara ini benar.

Jadi, apabila selalu kita dengar Kementerian Kesihatan kata kita hendak bina hospital up to standard, up-to-date, saya fikir itu tak payahlah. Kalau itu hospital rumah atap, kalau ada itu doktor cukup baik juga, kalau dotkor pakar tak cukup, la kasi buat itu- [Ketawa] up-to-date punya bangunan pun tak guna juga. Orang sakit pun tak boleh baik. Jadi, kerana perkara ini saya sudah bertahun-tahun bawa, sudah tiga tahun, perkara ini benar, sampai hari ini doktor pakar tak cukup. Apa sebab tak cukup? Orang kita ada pandai-pandai, apa pasal lari? Kita mesti timbangkan dan kaji semula dengan sedalam-dalamnya apa sebab. Janganlah ada soalan daripada Ahli Dewan Negara, jadi Menteri hendak datang sahaja, jawab, itu sudah habis. Lain.tahan, lain kali bawa balik, jawab begitu juga. Itu saya fikir kita duduk di sini .banyak penat, (Ketawa] saya pun banyak penat. Tak gona. Jadi, saya minta Kementerian Kesihatan ubah sikap. Kita sebagai Ahli Dewan Negara, sungguhpun kita bukan dipilih oleh rkayat, kita tahu apa yang berlaku di tempat kita. Kita ada jaga kepentingan rakyat. Kita lebih faham, lebih faham. Jadi, saya harap apa yang belum diubahkan hendaklah diubahkan.

Dan satu lagi, banyak ubat yang mahal atau yang murah, kadang-kadang ubat yang mahal terpaksa kena beli di luar. Orang miskin tak mampu beli. Kadang-kadang ubat tidak mencukupi. Kadang-kadang doktor beri satu bulan, orang sakit kena datang dua kali ke hospital, ambil ubat itu. Saya sendiri pun macam itu jaga, dua minggu kena pergi sekali. Ubat tak cukup. Jadi, orang kampung yang duduk 50 batu daripada hospital kena datang, hendak kena

tambang lagi. Jadi, Kerajaan kita Barisan Nasional hendak tolong rakyat jelata yang miskin, sedangkan ini tambah mereka susah. Betul atau tidak? Mengapa tak kasi mereka ubat cukup-cukup, ambil sekali sahaja ubat, tak payah datang daa-tiga kali. Itu, saya fikir tak munasabah, tak patut.

Jadi, perkara ini sebenarnya saya fikir Yang Berhormat Menteri sendiri tidak tahu. Jadi, selalu hendaklah dibuat, dengan izin, spot check, suprise check. Kalau ada spot check, suprise check, macam mana ini ubat tak cukup, baru perkara atau sikap ini boleh diubah. Kalau tidak, sampai bila pun tak boleh ubah. Spirit Barisan Nasional memanglah bagus di dalam Malaysia, malahah di seluruh dunia, Malaysia merupakan satu negara yang memang bagus iaitu berbilang bangsa, tetapi kadang-kadang pihak alasan tak faham. Pihak atasan apa sebab tak faham? Sebab maklumat di bawah di tutup. Bila ditanya, baik tak? Baik, baik. Dia dengar sahaja. Percaya sahaja. Kadang-kadang anak kita pun pandai tipu. Kita tak ada di rumah, bila kita balik, kita tanya. Ada baik tak? Jawabnya, ini baik, itu baik. Kita kena tipa jaga. Betul tak? Jadi, kalau kita hendak buat baik, mahulah Kerajaan Barisan Nasional selama-lama hidup di Malaysia, ini adalah Kerajaan dipilih oleh rakyat jelata yang berbilang bangsa, saya fikir "atas" hendaklah abah sikap kerana "atas" tak ambil tahu langsung. Kadang-kadang kita tulis surat kepada pihak "atas", dia rujuk kepada "bawah". Pihak "bawah" tak cakap betul. Itu kandungan surat tulis apa? Tidak ada apa-apa. Itu sudah habis cerita. Jadi, itu tak munasabah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, cubalah cakap apa yang berkaitan dengan tajuk-tajuk ini dan janganlah terkeluar

kerana.....

Tuan Lau Keng Siong: Ya, baiklah. Jadi saya minta Kementerian Kesihatan, apa yang belum dipenuhi, mintalah dipenuhi, minta diubah.

Menyentuh Kementerian Belia dan Sakan, kita dapat belia kita pada hari ini iaitu belia yang berbilang bangsa. Kita Malaysia sebuah negara yang berbilang bangsa, bila kita sebut belia, belia itu buat aktiviti masing-masing. Belia Melayu buat hal masing-masing, belia kaum Tionghua buat hal masing-masing, belia India buat hal masing-masing. Saya fikir ini tak betul. Kita mesti ada satu kumpulan belia untuk setnua kaum, muhibbah dan perpaduan oleh kerana negara kita berbilang bangsa. Bila mereka boleh bercampur gaul, mereka boleh taham antara satu dengan lain. Mereka boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dan dari segi itu mereka dapat belajar juga Bahasa Malaysia. Betul tak? Kalaa tidak, mereka buat hal masing-masing, sampai bila pun, walaupun Kerajaan kita selalu cakap Malaysia kita mahu adakan muhibbah, perpaduan dan sebagainya, tetapi kalau belia ada aktiviti, mestilah bercampar-gaul. Semua bangsa hendaklah bercampur-gaul, barulah boleh betul, barulah negara boleh kuat, belia barulah boleh kuat. Itulah harapan saya.

Menyentuh kepada pelancongan, memanglah pada hari ini kempen pelancongan itu bagus untuk menarik orang asing datang ke negara kita. Kalau malam-malam kita keluar, di Kuala Lumpur bukan main cantik. Tetapi ada dia punya keburukan. Pada masa sekarang orang-orang berniaga, terutama pembawa teksi menaikkan harga, hentam kuat. Itu hotel-hotel, kalau kita orang local, dengan izin, kadang-kadang pergi dia tolak tak ada bilik. Tetapi dia reserve untuk orang asing yang datang iaitu pelancong. Jadi, nampaknya

perkara semacam ini saya fikir tak patut. Nampaknya pada hari ini orang Eropah datang begitu banyak ke negara kita. Tiap-tiap hari boleh dikatakan tiap-tiap hotel penuh. Kadang-kadang kalau tidak satu minggu ke depan, dengan izin, book itu hotel, kita tak dapat. Saya sendiri pan .terjumpa, bila saya hendak satu bilik yang baik sedikit, saya ditolak, tak ada bilik. Tetapi bila kita jumpa pihak atasan, dia kata ada. Dia hendak reserve untuk pelancong. Itu kita tak marahlah, kalau betul tidak ada bilik. Kalau ada, dia tak beri, itu memang tak patut.

Jadi, saya harap Menteri Kebudayaan dan Pelancongan hendaklah mengambil tindakan yang tegas. Kalau ada hotel-hotel sentiasa hendak menaikkan harga, orang-orang yang menjual barang-barang atau perabawa teksi hendak menaikkan harga, terlampau tinggi, tolong ambil tindakan supaya jangan merosakkan imej negara kita-. Kadang-kadang orang asing datang ke negeri kita, dia ambil peluang ketuk mereka. Saya fikir itu tak patut.

Menyentuh maksud B. 24 - Jabatan Perpustakaan Negara. Murid-murid atau penuntut-penuntut kita kurang membaca buku. Apa sebab? Sebabnya oleh kerana bahan-bahan bacaan memang tak cukup. Di sekolah-sekolah rendah dan menengah, kalau kita pergi tengok memang bahan-bahan bacaan tak cukup. Jadi, Kementerian Pendidikan kita mestilah mengambil tindakan yang tegas. Biarlah ditambah lebih banyak lagi buku-buku bagi menggalakkan murid-murid kita baca buku, Kalau seseorang mtirid tidak rajin baca buku, dia tak boleh pandai. Jadi, kita patut adakan satu penerangan, pelancaran kempen baca buku. Itu tak pernah didengar. Jadi, Kementerian Pendidikan patutlah mengadakan tiap-tiap enam bulan sekali, diadakan satu pelancaran kempen membaca buku untuk marid-murid dan dibuat

satu competition, beri hadiah kepada mereka bagi menggalakkan murid-murid kita membaca buku. Kalau murid-murid dari sekolah rendah suka membaca buku-buku, dia sudah jadi biasa. Tiap-tiap kali bila dia tengok buku, dia mahu baca sahaja. Kalau kita tak galakkan mereka membaca buku, mereka memang malas.

Kalau kita tengok murid-murid baru balik dari sekolah hari-hari kena tulis. Tulis lagi banyak, bacaan kurang. Itu saya fikir tidak patut, kena ubah. Minta Kementerian ambil tindakan yang tegas.

Menyentuh B.1 - Parlimen. Sebagai Ahli Parlimen sudah hampir 3 tahun, saya tengok telefon untuk Ahli Parlimen tidak cukup ada tiga sahaja, sedangkan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara masing-masing ada urusan penting. Kadang-kadang seorang Ahli Dewan Negara hendak gunakan telefon kena tunggu sarapai setengah jam. Jadi, saya fikir minta tambah lagi tiga atau empat telefon. Buat masa sekarang tiga tidak cukup.

Menyentuh B.4 Suruhanjaya Pilihanraya. Akta Pilihanraya baru-baru ini sudah diluluskan, jadi saya fikir kena pada tempatnya pilihanraya pada kali ini apabila Akta ini sudah lulus tiap-tiap pengundi mengundi di sana, manakala undi-undi akan dikira di tempat itu. Ini menjimatkan masa. Oleh kerana pengundi-pengundi mengundi siapa kita tidak tahu, mereka tidak boleh tunggu sampai pukul 5.00 pagi, pukul 4.00 pagi. Jadi, dengan cara ini saya fikir Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad memang bijaksana, bagus. Kalau jentera Pilihanraya ini akan datang kita buat macam ini semua dapat dicepatkan dan Polis tidak payah lagi di tiap-tiap polling station bawa pergi pusat, tidak payah lagi. Orang ramai tidak payah berkumpul di satu tempat. Kadang-kadang kalau ramai orang berkumpul di satu tempat boleh jadi pergaduhan, Polis hendak kawal pun susah. Tetapi di Malaysia kita tidak pernah berlaku pergaduhan. Kita cuma cakap dengan mulut sahaja, lepas itu sudah selesai.

Inilah satu perkara yang kita raesti sayangi dan kita mesti puji. Kalau kita bandingkan dengan negara asing, raana ada satu negara ada satu pilihanraya yang tidak jadi kacau bilau, tidak bunuh orang, memang **ada**. Tetapi di Malaysia oleh kerana tentera kita, polis kita kerja kuat, rakyat kita semua faham satu sama lain, **ber-**bilang bangsa macam adik-beradik sungguhpun ideologi tidak sama, fikiran tidak sama tetapi apabila keputusan sudah dibuat, semua akan terima. Itu memang bagus. Jadi kita harap perkara ini selama-lamanya dapat dikekalkan.

Saya fikir masa pun sudah panjang, rakan-rakan saya pun ramai yang hendak bercakap saya sudahi ucapan saya. Sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan untuk 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu. Saya menyokong penuh. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli yang lain untuk bercakap, saya hendak menyatakan supaya untuk menjimatkan masa janganlah menyentuh hal-hal yang tidak berkenaan dengan, Rang Undang-undang ini dan Rang Undang-undang ini adalah perbelanjaan tambahan. Maka diingatkan supaya meraberi **per-**hatian kepada Peraturan Mesyuarat.52 (3), jangan menyentuh tentang perkara-perkara dasar dan pentadbiran Kerajaan atau tujuan-tujuan perbelanjaan ini.

Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat.

5.36 ptg.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas dan menyokong suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tarabahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Menyentuh B.7 Jabatan Perdana Menteri, satu unit di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Unit Perancang Ekonomi yang bertanggungjawab secara langsung ke atas Tabung Pemulihan Usahawan Bumiputera, setelah tiga tahun lalu Tabung ini diwujudkan atau ditubuhkan, dengan peruntukan diksluarkan sesuatu hasrat Kerajaan yang murni sempena akhirnya Dasar Ekonomi Baru, bukan sedikit usahawan bumiputera yang rata-rata berbekal modal sepuluh jari dengan tidak ada kelulusan pentadbiran, pengurusan perniagaan yang terperinci ataupun pengurusan kewangan yang cekap telah tersadai.

Tabung Pemulihan Usahawan atau Tabung Usahawan Baru adalah sesuatu yang bererti bagi usahawan bumiputera. Kerana seperti yang kita sedia maklum sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan sehingga akhirnya tahun ini 1990, penyampaian ekuiti bumiputera tidak sampai ke tahap yang dijangkakan. Namun bumiputera yang "dibankrap" bukan sedikit. Ini sebenarnya bukan salah ibu mengandung tetapi salah permintaan badan.

Sebelum bumiputera didedahkan kepada peningkatan ekonomi dan berusaha sendiri, tidak kedengaran yang bankrap tetapi sejak akhir-akhir ini rata-rata kalau separuh usahawan yang berdagang, 7 orang terpaksa menerima nasib. Kalau tidak gulung tikar mereka akan "dibankrapkan" oleh agensi-agensi kewangan. Kerana penyakit ini menular bila satu usahawan itu ditimpa musibah akan berduyun dan bertalu-talulah sipiutang datang menghimpit, seolah-olah macam langit hendak runtuh. Akan bertalu-talulah surat-surat amaran, saman dan amaran-amaran segera menuntut bayaran.

Menyedari hakikat bahawa sesuatu perlu diambil tindakan, pihak Kerajaan malahan Jabatan Perdana Menteri memperuntukkan tabung yang

berjumlah \$500 juta daripada tahun 1987 yang lalu bertujuan untuk memulih dan membantu mereka-mereka yang masih berdaya maju. Aturan dan peraturan yang dilaksanakan oleh Tabung Pemulihan Usahawan adalah memang wajar. Sesebuah syarikat yang hendak dipulihkan mestilah diuruskan oleh pihak perunding. Jadi, perunding itu akan mengambilalih pengurusan syarikat yang akan bertindak membuat kajian kemungkinan projek sama ada masih berdaya-maju atau sebaliknya.

Apa yang saya ingin sentuhkan di sini walaupun di peringkat Tabung Pemulihan Usahawan itu sendiri pengurusan hanya memakan masa selama dua minggu untuk mendapat kelulusan, namun untuk sampai ke Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) itu sendiri memakan masa hampir dua tahun. Dan bila kelulusan diperolehi, urusan dokumentasi yang dikelolakan oleh pihak institusi-institusi kewangan memakan masa hingga lebih 6 bulan. lebih-lebih lagi sekiranya institusi-institusi kewangan itu tidak tertakluk kepada pentadbiran Bank Negara.

Sesuatu yang saya rasa perlu diambil tindakan sebelum usahawan-usahawan yang terlibat dengan bantuan ini berkubur tanpa nisan kerana, untuk makluman; mereka-raereka yang mendapat bantuan pemulihan ini akan disenaraikan di semua institusi kewangan. Dengan erti kata lain, mereka-mereka ini tidak akan diambil kira lagi sekiranya ingin membuat pinjaman-pinjaman baru dengan mana-mana institusi kewangan. Kerana apabila mereka termasuk dalam senarai mendapat bantuan atau sedang memproses bantuan Tabung Pemulihan Usahawan, dengan sendirinya kemudahan pinjaman yang lain tidak dilayan.

Di satu segi yang lain, pihak Tabung Pemulihan Usahawan berhempas pulas ingin segera menyalurkan bantuan tetapi Institusi-institusi Kewangan yang terlibat memproses dokumentasi akan meneliti dan akan terus mengikut peraturannya dan masa mereka sendiri .

Apa yang ingin disyorkan kepada pihak Tabung Pmulihan Usahawan ialah supaya berurusan terus dengan Perunding-perunding yang dilantik dan yang bertanggungjawab kepada cadangan kemungkinan projek itu sendiri. Ini bermakna di satu segi pemerosesan dokumentasi berjalan, walaupun mereka memakan masa setahun lamanya, tetapi kewangannya dapat diuruskan oleh Perunding secara serta merta sebaik sahaja kelulusan diperolehi.

Kita tidak mahu apa yang berlaku di Terengganu di mana sebuah syarikat bumiputera ditutup tenat walaupun kelulusan telah diperolehi, oleh kerana bank yang memproses dokumentasi dan membuat cadangan kemungkinan projek asal menarik diri daripada menanggung risikonya terhadap cadangan asal, maka terpaksa pemerosesan baru dijalankan semula. Ini adalah satu tindakan yang mengecewakan. Ini bukan satu masalah bahkan banyak lagi masalah yang sedang berlaku.

Untuk itu, tabung ini yang ditubuhkan oleh Kerajaan dengan hasrat yang murni tidak lain ialah untuk membantu supaya tahap pencapaian bumiputera kepada ekuiti 30%. Tidak dapat dimengertikan apakah hasilnya nanti oleh kerana susulan yang akan dibuat setelah sahaja rancangan Dasar Ekonomi Baru ini berakhir dengan ekuiti 302 tidak dicapai. Majlis Perundingan Dasar Ekonomi Baru sedang merumuskan Dasar Ekonomi Negara selepas tahun 1990 akan lahir satu

konsep yang lebih mencabar. Apakah masih ada saki baki pengusaha-pengusaha bumiputera yang masih boleh bertahan untuk menyambut cabaran ini? Apakah pula corak dan ronanya sekiranya pihak Perancang Ekonomi daripada Jabatan Perdana Menteri akan membuat sesuatu yang serius supaya susulan pendekatan yang baik boleh dilaksanakan dan kalau perlu mencadangkan kepada pihak Bank Negara untuk menyelaraskan semua Institusi-institusi Kewangan di bawah pentadbirannya supaya akan pulihlah sesuatu maruah bangsa Melayu yang boleh dipanggil pedagang jati di negara sendiri.

Menyentuh Maksud B.20 - Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, "kita mengharapkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan lebih berhati-hati terhadap pelabur-pelabur luar kerana seperti mana yang kita sedia maklum, selain daripada kemudahan-kemudahan asas yang disediakan, pengecualian cukai selama lima tahun ataupun taraf printis yang mereka nikmati dan mereka ini amat pintar buruh-buruh kita diperas secukupnya, tidak ada kemudahan tempat tinggal, hanya walaupun ada, kemudahan kenderaan dan 35 sen kupon makan pagi yang diberikan. Mereka bekerja siang dan malam.

Tidak dinafikan yang gaji dan elaun dibayar, tetapi setelah cukup masa yang sepatutnya mereka berada lima tahun di negara kita, oleh kerana mereka melipat-gandakan pemerosesan pekerjaannya siang dan malam, mereka dapat memendekkan sehingga tiga tahun yang mana pengeluaran sebenar sudah mencukupi oleh kerana kerja siang dan malam tadi. Kadang-kala taksiran cukai yang sepatutnya dikenakan selepas itu, mereka tidak akan membayarnya kerana mereka akan mengatakan yang syarikatnya sudah rugi ataupun berbagai-bagai corak alasan lagi.

Kemasakan pelaburan asing tidak dinafikan memberi peluang-peluang pekerjaan sementara, pertukaran teknologi jauh sekali. Kalaupun diberi latihan kepada pegawai-pegawai dari kalangan kita, akhirnya pegawai-pegawai itu akan mengundurkan diri kerana tekanan-tekanan yang tidak menentu serta tugas dan tanggungjawab yang tidak bertungsi. Mereka mengambil pegawai-pegawai kita dari kuota sahaja bagi mencukupkan syarat. Untuk itu, harapan kita supaya dikaji semula setiap keraasukan pelabur dan corak operasinya supaya kita tidak mendapat nikmat sementara dan akan memikul beban di kemudian hari.

Dengan kata-kata itu, sekali lagi saya menyokong suatu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 1989.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang.

5.47 ptg.

Tuan Mustafa bin Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian menyokong suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan Untuk Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 1989 dan bagi Memperuntukan Wang itu bagi Maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh ,sedikit mengenai dengan Maksud B. 26 - Kementerian Pertahanan. Sepanjang yang kita maklum bahawasanya Kementerian ini adalah salah satu daripada

Kementerian yang sangat penting di dalam negara ini yang akan menentukan buruk baiknya keadaan negara ini dari ancaman luar ataupun dalam negeri. Oleh itu Kementerian ini bolehlah disifatkan sebagai satu Kementerian yang tnenjadi benteng kepada keselamatan negara ini dari banyak perkara.

Memandangkan kepada peruntukan yang ditambah ini begitu banyak dan kemungkinan peruntukan yang dahulunya lebih banyak daripada yang ditambah, perkara yang sangat penting yang saya hendak sebutkan di sini ialah, mana-mana bekas tentera ataupun mana-mana tentera yang akan bersara telah menjadi buah mulut oleh para pemimpin dan rakyat biasa bahawa di kalangan mereka ini sebahagian kecil sahaja telah diberi perhatian secara serius dalam penghidupan mereka secara orang awam di negara ini.

Sepanjang yang kita ketahui di antara 4,000 hingga 5,000 orang sctahun tentera ini yang masih muda umumnya akan bersara atau berhenti daripada jawatannya dan mereka ini boleh dikatakan sangat sedikit diberi perhatian secara sungguh-sungguh untuk masa depan dan anak-anak mereka. Sekalipun bekas-bekas tentera tni ada persatuan-nya dan ada hanya satu atau dua negeri yang telah memberi peluang memiliki tanah secara langsung oleh Persatuan Bekas-bekas Perajurit tetapi tidak menyeluruh ke negeri-negeri lain sama ada di Semenanjung ini, termasuk Sabah dan Sarawak,

Saya telah difahamkan kira-kira setahun ataupun 6 bulan sebelum mereka berhenti, tentera ini diberi satu latihan kemahiran sama ada di jabatan-jabatan Kerajaan ataupun syarikat-syarikat swasta.

Mereka ini juga ada kalanya menipu diri sendiri. Apabila namanya dihantar kepada syarikat yang berkenaan dan orangnya tidak hadir untuk berkursus. Saya berharap bagi pihak Kementerian ini akan mengambil berat dan mengambil tindakan menyelesaikan perkara ini supaya tentera yang akan berhenti ini tidak melakukan suatu penipuan secara langsung kepada dirinya sendiri dan kepada anak isterinya;

Saya berani berkata demikian kerana ada bekas-bekas tentera yang dihantar berkursus di satu-satu syarikat terutama sekali syarikat swasta tidak hadir berkursus dan apabila tempoh kursus ini selama 6 bulan ataupun setahun, mereka edah atau tempoh masa berkursus ini tarat dan satu sijil daripada syarikat yang berkenaan ini telah diberi kepada mereka tetapi raalangnya kemahiran yang mereka akan dapati sama sekali tidak ada dan inilah salah satu sebab ada di antara bekas-bekas tentera ini menimbulkan masalah terutama sekali kepada Kerajaan dan ada sebahagian kecilnya telah menuduh Kerajaan tidak mengambil perhatian kepada mereka bagi penghidupan dan anak isteri mereka pada masa akan datang. Jadi, melalui Dewan yang muli ini saya berharap pihak yang berwajib di Kementerian Pertahanan supaya perkara ini tidak akan berlaku, Mudah-mudahan bekas-bekas tentera yang akan bersara ini akan menerima ilmu pelajaran kemahiran dari tempat-tempat yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Perkara yang kedua, mengenai Kementerian ini juga, Tuan Yang di-Pertua, kita rasa patut memberi terima kasih kepada pasukan tentera kita terutama sekali Tentera Laut yang kadang-kadang sebulan sekali naik ke darat berjumpa anak isteri, tentulah kerjanya sangat kuat dan seluruh rakyat harus berterima kasih dan saya sendiri

mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih tetapi dalam pada itu ada sedikit dukacita di mana arahan pernah dibuat barangkali untuk menjaga laut kita terutama sekali kawasan Pantai Timur sama ada anasir pencerobohan tentera daripada negara asing ataupun pencerobohan nelayan-nelayan asing ataupun kedatangan pelarian-pelarian sama ada Vietnam ataupun China telah lulus tmasuk ke negara kita. Ini menunjukkan bahawa pengawalan ataupun penjagaan yang dimaksudkan ini kalau hendak disebut tidak rapi maka saya yakin tentera ada disiplin dan bolehlah disebut barangkali tentera kita waktu itu sedang dalam keletihan. Jadi, dengan sebab itulah pelarian-pelarian Vietnam ini masih boleh lulus masuk ke negara ini, sekalipun Kerajaan telah membuat suatu perjanjian bahawa pelarian Vietnam semenjak April 1988 tidak lagi boleh diterima.

Sehingga hari ini kita dimaklurakau oleh Menteri yang berkenaan lebih daripada 19,000 pelarian Vietnam yang terdapat di negara kita. Oleh itu saya berharap pihak yang berkenaan dan bertanggungjawab di Kementerian yang berkenaan supaya mengetatkan lagi kawalan ini di mana pelarian-pelarian dan lain-lain raasalah yang menggugat atau akan menggugat keselamatan negara ini terjamin di masa-masa akan datang.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka merayu kepada pihak yang berkenaan dan kepada pihak yang berwajib di Kementerian yang berkenaan hendaklah berterus terang kepada Kerajaan dan Kerajaan juga harus memberi satu pertimbangan yang istimewa kepada Kementerian ini. Kalau tidak keadaan akan tidak menentu tentang keselamatan negara. Saya telah difahamkan ada di antara alat-alat terutama sekali senjata, kapal, kapalterbang dan lain-lain apabila hendak dibaikpulih tidak cukup duit. Kadang-kadang terpaksa

dibuka alat lain, kalau kapalnya, terpaksa dibuka kapal lain untuk dimasukkan spare parts ke kapal yang sedang dibaikpulih. Saya tidak fikir tiegara ini, negara yang berdaulat 30 tahun lebih sudah merdeka dan berdaulat, keadaan ini boleh berlaku. Kalaulah ini berlaku berpanjangan, saya berpendapat akan menjadi bosan kepada para pegawai untuk menjalankan tugasnya dengan bersemangat berperwira dan saya harap sekali lagi melalui Dewan yang mulia ini, kedua-dua pihak sama ada Kementerian dan pihak tentera serta Kerajaan sama-sama

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat. Memang kita dapati sejak akhir-akhir ini tentera kita tidak berlaku kemalangan perang sepertimana beberapa belas tahun yang lalu bertempur dengan komunis dan kita tidak pernah. perang sejak 40 tahun lebih ini dengan angkatan luar negara kecuali sedikit-sedikit sewaktu konfrantasi 1963 dan kalau ada kematian dan kemalangan di kalangan tentera dan polis kita hanyalah melalui kemalangan jalanraya dan lain-lain, secara tidak sengaja senapang, pistol ataupun bom tangannya meletup sewaktu berlatih dan pampasan diberi kepada balu-balu yang berkenaan tetapi saya tidak dapat pasti bahawa anak-anak mereka telah diberi suatu peluang yang istimewa sama ada ianya melanjutkan pelajaran ke mana-mana pusat pengajian tinggi di Malaysia ini ataupun di luar negeri atas sifat ianya anak seorang tentera ataupun seorang polis yang diberi keistimewaaa oleh pihak Kerajaan dan kalau ada, saya ucapkan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan dan kalau tidak ada, saya berharap selain daripada tabung-tabung yang ditubuh oleh tentera maka pihak Kerajaan akan memberi peluang kepada anak-anak mereka ini suatu keistimewaan melanjutkan pelajaran dan apabila mereka ini tamat pengajian, diberi peluang pula keistimewaan memegang jawatan yang sesuai dengan ilmu pengetahuan ataupun akademik yang ia dapat dari pusat-pusat pengajian tinggi yang berkenaan.

Perkara yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Kementerian **ini**. Kita telah dimaklumkan dan saya sendiri telah bercakap di Dewan yang mulia ini kira-kira tiga hari yang lalu, bahawa Malaysia ini berada di satu tempat yang sangat strategik, semua bangsa yang besar di dunia yang rakus dengan kuasa sama ada kuasa politik, kuasa ekonomi dan kuasa tamak-haloba merasakan bahawa Malaysia ini sangat perlu diganggu-gugat, supaya rakyatnya dan Kerajaannya menjadi huru-hara dan terus tumbang dan langsung diperintah oleh sesuatu kuasa lain di dunia **ini**. Jadi, dengan sebab itu maka adalah perlu pengkalan-pengkalan barisan depan diadakan di sekeliling negara ini.

Saya juga mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian dan Kerajaan Malaysia yang telah merancang untuk mengadakan sebuah Markas Brigade di Marang, Terengganu, harga tanah telah dibayar tetapi sehingga hari ini belum dibuat apa-apa mengenai dengan pembinaan Markas Brigade yang tersebut.

Melalui Dewan ini saya berharap Markas ini sangat perlu kerana Pantai Timur adalah terbuka kepada sesuatu kuasa yang pada hari ini semua rakyat tahu, bahawa sebuah negara komunis yang berada sangat hampir dengan Malaysia ini, dan dengan sebab itu sebagaimana kata pepatah, "Memang malang tidak berbau". Jadi, dengan sebab itu saya berharap sungguh-sungguh supaya Markas Brigade ini akan segera dilaksanakan dengan seberapa daya dan upayanya.

Selain daripada itu, di kawasan Pantai Timur juga ada beberapa buah pulau yang difikirkan sangat strategik untuk dijadikan pengkalan-pengkalan kecil pihak tentera ataupun Polis Merin. Suatu masa dahulu pihak Kerajaan berura-ura dan bersungguh-sungguh hendak menjadikan sebahagian daripada Pulau Redang sebagai Pengkalan Polis Merin ataupun Pengkalan Tentera di kawasan Pantai Timur. Inipun telah sejuk seperti air batu. Dengan sebab itu saya berharap kepada yang berwajib mengenai dengan urusan pengkalan ini supaya dihidupkan semula dan dibina semula juga demi kepentingan keselamatan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Kementerian Kehakiman. Kementerian ini jarang disebut, barangkali Kementerian ini tidak menimbulkan sebarang masalah kepada rakyat. Pada saya Kementerian ini juga ada sedikit-sebanyak mengelirukan orang ramai mengenai dengan aturan dan peraturan yang telah dijalankan dan dibuat di dalam negara ini .

Kita semua sedia maklum banyak kes-kes yang berlonggok di negara ini tidak dapat diselesaikan. Kadang-kadang boleh jadi mahkamahpun tnenjadi keliru oleh kerana kes ini terlalu lama, orang yang sedang di dalam perbicaraan ini kadang-kadang ada yang mati, satna ada orang yang membuat kes itu mati dan saksinya pan mati dan Pendakwaraya pun ada yang mati, kes ini masih belum selesai. Ini mungkin banyak kedapatan. Jadi, dengan sebab itu Kementerian ini dan Kerajaan hendaklah mengambil suatu tindakan yang sangat tegas. Misalnya, kalau kekurangan Hakim, maka hendaklah diberi peluang kepada sesiapa sahaja yang layak melanjutkan pelajaran Kehakimannya

sama ada di dalam ataupun di luar negara sehingga mencukupi bilangan Hakim-hakim yang akan membicarakan kes-kes yang berlonggok ini.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini juga dengan kerjasama Kementerian Penerangan dan lain-lain Jabatan yang difikirkan munasabah, apabila sesuatu undang-undang diluluskan oleh Parlimen sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, maka kalau boleh hendaklah diberi penerangan secara lanjut dan secara berkesan, secara ilmiah terutama sekali kepada pegawai-pegawai di Jabatan-jabatan Kerajaan, sama ada ianya berpangkat tinggi ataupun berpangkat rendah. Sebab sekalipun pegawai itu tidak terlibat dirinya secara langsung dengan undang-undang, tntaka ada masa-masanya dan ada perkara-perkara yang terpaksa apabila rakyat menemuinya, apabila rakyat memohon sesuatu, apabila rakyat menganukakan sesuatu kepada pegawai yang berkenaan, lazim berlaku pegawai ini tidak dapat memberi suatu jawapan yang tepat kerana tersangkut oleh undang-undang, padahal pegawai yang berkenaan ini harus memberi suatu keterangan kepada mereka ini secara tepat, secara jujur dan ikhlas, kerana yang datang ini ialah rakyat yang tidak tahu mengenai aturan dan peraturan undang-undang negara.

Jadi, dengan sebab itu saya berharap Kementerian Kehakiman melalui Kementerian-kementerian lain, dan Jabatan-jabatan lain yang difikirkan sesuai dan munasabah memberi kursus-kursas istimewa kepada seluruh kakitangan Kerajaan, sama ada di peringkat yang tinggi juga kepada yang rendah, asalkan ianya dipanggil kakitangan ataupun pegawai Kerajaan, hendaklah diberi kursus menerangkan takrif undang-undang yang sebenar supaya tidak berlaku kekeliruan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Kementerian Kehakiman ini juga hendaklah senantiasa mengambil tahu pegawai-pegawai di bawah Kementeriannya, barangkali kalau saya sebut di sini tentulah melibatkan para Hakim sama ada daripada atas ke bawah. Apakah mereka ini

Timbalan Yang di-Pertua: Minta maaf, Yang Berhormat, berapa lama akan mengambil untuk membahaskan ini? Bolehkah habiskan ucapan Yang Berhormat dalam masa lima minit?

Tuan Mustafa bin Awang: Insya Allah, saya cuba.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelura menyambung, saya hendak mengingatkan lagi tentang Peraturan 52(3). Tetapi disyaratkan apabila dibacakan kali yang kedua sesuatu Rang Undang-undang (yang dibawa ke dalam Dewan Rakyat menurut Perenggan (a) dalam Artikel 102 dalam Perlembagaan) bagi memberi kuasa membelanjakan wang bagi sebahagian daripada satu-satu tahun, perbahasan atas Rang Undang-undang ini tidak boleh termasuk perkara-perkara dasar dan tadbir Kerajaan ataupun tujuan-tujuan perbelanjaan itu. Sila jangan sentuh di atas dasar atau pentadbiran Kerajaan atau tujuan-tujuan perbelanjaan wang **ini**. Sila.

Tuan. Mustafa bin Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Saya tidak ada niat untuk menyentuh, tetapi saya mengemukakan supaya perkara ini diadakan dan mungkin ini belum diadakan secara menyeluruh. Dengan sebab itu, saya berharap Kementerian ini akan mengambil berat tentang perkara yang telah berlaku dan sedang berlaku supaya ianya tidak akan berlaku pada masa-masa yang akan datang, dan saya daripada Kementerian Kehakiman ini akan beralih kepada Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai diantara saudara-saudara Ahli Yang Berhormat telah menyebut tentang Kementerian Kesihatan. Saya suka menyebut sedikit sahaja di mana mengapa sebab-sebabnya sebahagian daripada doktor-doktor kita enggan bekerja dengan Kementerian. Ini

jelas kita nampak kerana tidak untung. Tidak untung yang dimaksudkan di sini, keistimewaan tidak diberi oleh para doktor dan kakitangan ini apabila mereka ditukarkan ke kawasan-kawasan luar bandar, kerana Kementerian yang berkenaan telah mengukur bahawa perkhidmatan di kawasan bandar dan luar bandar sama sahaja, tidak diberi suatu keistimewaan kepada mereka yang ditukarkan ke kawasan-kawasan luar bandar. Dengan sebab itu, bagi menjaga hati para pegawai ini, Kementerian yang berkenaan harus melihat seraula supaya para doktor dan kakitangan ini diberi keistimewaan apabila pegawai-pegawai ini ditukar ke luar bandar dan selain daripada itu, Kementerian juga harus memperbanyakkan kursus-kursus mengenai penyakit yang berjangkit ini bukan sahaja kepada orang-orang di kampung, malah kepada mereka yang berada di dalam kawasan bandar juga, kerana ada banyak kita dapati penyakit-penyakit moden yang senang berjangkit yang ianya kedapatan di kawasan-kawasan dalara bandar.

Salah satu daripada ccmtoh yang patut saya sebut di sini ialah mengenai dengan sakit jantung, iaitu sakit syphilis, dengan izin, kerana sakit ini ia cepat berjangkit dan sangat merbabaya, jarang kita dapati di kawasan luar bandar, tetapi ianya terdapat di kawasan-kawasan dalam bandar, kerana ianya berpusar di sekitar kawasan pelacuran. Dengan sebab itu, Kementerian Kesihatan harus mengambil langkah supaya perkara ini tidak akan berleluasa dan ditinggalkan begitu sahaja apabila kita temui suatu jenis penyakit moden seperti AIDS yang kita tumpu seratus peratus ke sana, sedangkan penyakit yang menjadi kronik selama ini ditinggalkan begitu sahaja dan tidak pernah disebut.

Kementerian Kesihatan juga saya berharap bekerjasama dengan Kementerian Penerangan menggunakan mass media elektronik khususnya TV supaya menunjukkan melalui TV jenis-jenis penyakit yang sangat merbahaya sehingga mendatangkan suatu perasaan gerun kepada rakyat seluruhnya. Suatu ketika dahulu Kerajaan pernah melalui Kementerian Penerangan menyiarkan betapa buruknya akibat mereka yang menghisap rokok sehingga di mana-mana kita dapati selepas sahaja filem ini ditayangkan, yang raerokok bercakap, saya sanggup berhenti kalau keadaan jantung sipenghisap rokok itu terjadi seperti itu.

Jadi dengan sebab itu, tilera seperti ini bagi mengingatkan dan menggerunkan beberapa jenis penyakit yang merbahaya sama ada melalui rokok, melalui hubungan jantina seperti sakit syphilis, dengan izin, dan sakit-sakit lain.

Saya rasa setakat itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, dengan lain-lain perkataan, saya dengan ini dengan ikhlasnya menyokong suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 1989 dan bagi meraperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yaag di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk memberikan jawapan.

6.18ptg.

Timbalan Meuteri Kewangan [Dato Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin, Yang Berhormat Senator V.K. Sellapan, Senator Puan Law Jack Yoon, Senator Tuan Hassan bin Harun, Senator Hajjah Rosnah binti Haji Mohd, Salleh, Yang Berhormat

Senator Puan Mazidah binti Haji Zakaria, Yang Berhormat Senator Lau Keng Siong, Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat dan yang akhir sekali Yang Berhormat Senator Mustafa bin Awang kerana telah mengambil bahagian dalara perbahasan Anggaran belanjawan Mengurus Tambahan Ketiga 1989 dengan memberikan pandangan dan sokongan ke atas cadangan-cadangan peruntukan tambahan yang telah dibentangkan. Sukalah saya mernberikan penjelasan dan huraian ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhonnat Puan Ainon. Ariffin telah membangkitkan mengenai tempoh perkhidmatan pegawai perubatan di hospital-hospital Kerajaan, Adalah dijelaskan Kerajaan sememangnya menggalakkan pegawai-pegawai perubatan terus kekal berkhidmat dengan Kerajaan. Untuk tujuan ini Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi memperbaiki lagi perkhidntatan pegawai perubatan seperti menaikkan kadar elaun doktor-doktor pakar sebanyak 50% yang telahpun dilaksanakan semenjak bulan. Disember tahun lalu.

Selain daripada itu, lebih banyak jawatan-jawatan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai perubatan telah diwujudkan dengan tujuan bagi meluaskan peluang-peluang kenaikan pangkat. Menyentuh mengenai isu sabbtaj oleb sebuah negara jiran terhadap pelancongan di Malaysia, Kerajaan kita telah menyelesaikan perkara ini berikutan pertemuan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan Timbalan Perdana Menteri negara jiran berkenaan semasa lawatan beliau ke Malaysia baru-baru ini.

Mengenai saranan Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin, supaya Kementerian Pendidikan meraberi perhatian yang berat terhadap pendidikan moral dan agama Islam, di samping mencapai kecermerlangan akademik, sebenarnya Kementerian Pendidikan telahpun memberi perhatian yang berat di dalam perkara ini dengan melancarkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988. Dalam Kurikulum Sekolah Rendah dan Menengah, pendidikan moral telah diwajibkan kepada semua pelajar bukan Islam, manakala bagi pelajar-pelajar Islam pula Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Menengah telah digubal semula dengan raenekankan aspek akhlak, amalan dan penghayatan serta menambahkan masa dari 120 minit kepada 140 minit seminggu dalam jadual waktu rasmi. Di samping itu langkah-langkah sedang dijalankan untuk menerapkan nilai raurni dalam setiap mata pelajaran dan aktiviti ko-kurikulum.

Yang Berhormat Senator Tuan V.K. Sellappan menyentuh tentang pengiktirafan kelayakan-kelayakan farmasi dari universiti-universiti di India. Adalah benar bahawa pada masa ini hanya dua buah universiti yang diiktiraf iaitu Banares Hindu dan Nagpur. Lembaga Farmasi telah membuat penilaian teliti ke atas kelayakan-kelayakan dari universitt-universiti lain di India dan adalah didapati ianya tidak seimbang dengan taraf kelayakan farmasi dari Universiti Sains Malaysia. Oleh itu, Kerajaan tidak dapat mengiktirafnya.

Pada tahun 1982 apabila Lembaga Farmasi memberhentikan peperiksaan untuk mereka yang mempunyai kelulusan farmasi dari universiti yang tidak diiktiraf, satu notis 4 tahun telah diberi kepada semua yang terlibat melalui Kementerian Luar Negeri dan Kedutaan kita di India. Walau bagaimanapun, sekiranya ada kelayakan-kelayakan yang belum dinilai, pihak yang berkenaan boleh mengemukakan kepada Lembaga Farmasi untuk diberikan pertimbangan.

Mengenai isu tanah seluas 10 ekar, suka dijelaskan bahawa tanah tersebut adalah tanah yang dirizabkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor untuk tapak sekolah. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil - SRJK (T), Sungai Renggam, Shah Alam terletak di atas tapak seluas 3 ekar iaitu sebahagian daripada tapak tanah seluas 10 ekar yang disebutkan. Kementerian Pendidikan bercadang membina sekolah kanak-kanak cacat di atas baki tapak tersebut, iaitu seluas 7 ekar. Memandangkan tapak tersebut hanya dirizabkan sahaja oleh PKNS, Kementerian Pendidikan telah memohon pemilikan tapak tersebut daripada Kerajaan Negeri Selangor pada 30hb September, 1988. Oleh kerana tapak tersebut masih belum menjadi milik Kementerian Pendidikan, kelulusan penukaran status SRJK (T) Sungai Renggam tidak dapat dibuat.

Berhubung dengan penubuhan Pusat-pusat Pra-Sekolah di luar bandar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sebenarnya, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan pre-school annex, di luar bandar, di mana kemudahan-kemudahan sekolah tersebut tidak didapati. Penurapan akan diberikan terhadap kanak-kanak di sekolah luar bandar yang kurang mendapat kemudahan

pendidikan. Dalam masa yang sama juga Kementerian Pendidikan akan bekerjasama dengan badan-badan atau agensi-agensi lain yang mengadakan Pusat-pusat Pra-sekolah untuk menyelaraskan hal-hal yang berkaitan supaya program pra-sekolah ini dapat diadakan dengati jayanya.

Mengenai dakwaan bahawa kaum India di negara ini jauh ketinggalan dari segi pengambilan masuk ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi, sukalah dinyatakan bahawa dakwaan tersebut adalah kurang tepat, Pengambilan calon-calon ke Institusi Perigajian Tinggi di negara ini adalah berasaskan kepada kecermerlangan akademik calon-calon, kuota antara kaum yang telah dipersetujui oleh Kabinet, jumlah pemohon dan syarat-syarat khas yang telah ditetapkan oleh universiti-universiti di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hassan Harun, mengenai penterjemahan buku-buku ke Bahasa Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka akan meningkatkan bilangan judul yang akan diterbitkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam. Dewan Bahasa dan Pustaka bercadang menerbitkan 2,000 judul termasuk 30% daripadanya adalah terjemahan ke Bahasa Malaysia dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Judul-judul itu diklasifikasikan kepada 8 kategori iaitu am, falsafah, sains sosial, agaraa, babasa, sains tulen dan gunaan, .kesenian dan kesusasteraan. Di samping itu Dewan Bahasa dan Pustaka bercadang untuk meningkatkan cetakan majalah yang sekarang ini sebanyak 2.8 juta.kepada 3.6 juta naskah, diakhir tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Penerbitan majalah-majalah itu akan menelan belanja \$270 juta. Dewan Bahasa dan Pustaka juga menerbitkan lebih kurang 330 judul buku setiap tahun dalam berbagai klasifikasi.

Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon telah menyentuh dan memberi saranan terhadap beberapa perkara yang berkaitan dengan industri pelancongan. Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Kementerian Kebudayaan, dan Pelancongan mempunyai satu pelan induk pelancongan, sukacita dinyatakan bahawa setakat ini Kementerian, ini telahpun, mempunyai satu pelan perabangunan komprehensif pelancongan, hasil kajian. Juruperunding Jepun di bawah tajaan agensi kerjasama Jepun dan sebagai melengkapkan lagi pelan induk ini, Kementerian sedang di dalam proses mendapatkan satu lagi perkhidmatan Juruperunding bagi membuat kajian raengenai dasar pelancongan untuk membolehkan pembangunan pelancongan di negara ini dilaksanakan dengan sempurna, teratur dan berkesan.

Mengenai saranan Yang Berhormat supaya Kerajaan menubuhkan Institusi Pengajian Lanjutan dalam bidang perhotelan dan pelancongan, untuk makluman Ahli Yang Behormat, institusi-institusi seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Institiut Teknologi MARA sedang mengendalikaa kursus-kursus dalam bidang tersebut. Dalam pada itu Kerajaan juga menggalakkan pihak swasta untuk menubuhkan institusi-institusi sedemikian, memandangkan keperluan mengadakan tenaga manusia dalara bidang perhotelan dan pelancongan yang kini sedang meaingkat. Kementerian, Kebudayaan dan Pelancongan telah menyumbangkan sejumlah \$12,295,500 kepada setiap negeri untuk tujuan membaiki dan melengkapkan kemudahan-kemudahan asas di tempat-tempat pelancongan di negeri-negeri berkenaan Di samping itu Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan juga dari masa kesemasa sedang mengkaji supaya tempat-tempat pelancongan di seluruh negara dinaikkan taraf ke tahap yang lebih baik setanding dengan lain-lain tempat

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok. pelancongan di Luar negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan hingga hari esok, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.